# ISI KANDUNGAN


**MAKLUMAT KORPORAT**

Perutusan Ketua Setiausaha
Perutusan Pendaftar Pertubuhan Malaysia
Maklumat Korporat
Struktur Organisasi
Jumlah pendaftaran pertubuhan 2017

**LAPORAN PENCAPAIAN**

Pengurusan Sumber Manusi 2 Bahagian
Pengurusan Pertubuhan
Bahagian Teknologi Maklumat
Bahagian pematuhan

**NUKILAN KEJAYAAN**

**PENCAPAIAN NEGERI**

**ARKIB BERITA**






# MAKLUMAT KORPORAT




# Perutusan
# KETUA SETIAUSAHA




Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya kita dapat terus menyumbang kearah kecemerlangan dan kegemilangan Kementerian Dalam Negeri sejajar dengan visi kementerian sebagai Peneraju Keselamatan Dalam Negeri.

**Sekalung penghargaan dan syabas diucapkan kepada semua warga JPPM yang telah menyumbang idea,tenaga dan komitmen yang padu dalam melaksanakan laporan tahunan 2017. Penerbitan laporan tahunan ini merupakan satu usaha yang sangat komprehensif kerana ianya merupakan satu dokumentasi maklumat dan sumber rujukan yang sangat penting ke arah nilai tambah kepada kualiti pekerja-pekerja di jabatan ini. Semoga ianya dapat memberi gambaran yang jelas mengenai fungsi dan peranan JPPM dan menyimpan rekod pendaftaran kepada semua pertubuhan berdaftar di Malaysia.**

Warga JPPM perlu kekal menjadi modal insan terbaik di mana berinisiatif dalam melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan terkini serta berdaya saing agar organisasi ini menjadi sebuah jabatan yang berwibawa dan menjadi contoh kepada organisasi lain. Justeru itu, usaha untuk menggerakkan gelombang sukarelawan akan lebih mudah di semarakkan melalui peranan dan kerjasama yang dimainkan oleh pertubuhan-pertubuhan berdaftar.

Sekian,Wassalam.

**YBHG DATO' SERI ALWI BIN HJ IBRAHIM**
**Ketua Setiausaha**
**Kementerian Dalam Negeri**

# Perutusan
# PENDAFTAR PERTUBUHAN



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Muhibbah. Marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, Laporan Tahunan Tahun 2017 ini dapat diterbitkan untuk semua warga Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), dan organisasi yang lain. Pelbagai aktiviti dan program telah dilaksanakan dengan jayanya oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua warga Jabatan yang telah bertungkus-lumus dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik. Saya berharap dengan terhasilnya Laporan Tahunan 2017 ini, semua warga Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) dapat menjadikannya sebagai sumber inspirasi dan membangkitkan rasa berpasukan bagai aur dengan tebing untuk bersama-sama mencapai kecemerlangan yang lebih bermakna pada tahun 2017 ini.

**Saya berharap kita akan sentiasa dapat meneruskan usaha-usaha ke arah kegemilangan dalam menguatkuasakan Akta Pertubuhan 1966 dan menjadikan JPPM sebagai sebuah organisasi kerajaan yang khusus dalam melaksanakan dan menguatkuasakan Akta tersebut. Kita juga sudah berikrar untuk membuat penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan, memastikan tugasan yang dibuat dan tanggungjawab agar dapat dilaksanakan dengan penuh integriti dan memastikan pencapaian KPI 2017 sepertimana yang diinginkan oleh pihak pengurusan tertinggi khsusunya.**

Warga JPPM sentiasa diingatkan supaya berusaha untuk menambah nilai dalam urus tadbir dan juga dalam sektor penyampaian perkhidmatan. Fokus Utama JPPM ialah melaksanakan KPI Dalam Negeri mengikut tempoh masa dan sasaran yang yang hendak dikenalpasti kemudian memastikan pelbagai program pengurusan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan core business dan program pengurusan JPPM serta jalinan kerjasama strategik berjaya dilaksanakan.

Diharapkan warga JPPM dapat terus siap sedia dengan pemeriksaan untuk memperolehi persijilan ISO di seluruh pejabat JPPM. Dengan adanya pensijilan MS ISO ini, ianya dapat membuktikan bahawa proses dan prosedur kerja di JPPM diiktiraf serta mempunyai standard mengikut penilaian antarabangsa.
Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua warga JPPM yang telah banyak memberi kerjasama dan sokongan untuk memastikan pelaksanaan program JPPM dapat direalisasikan dengan jayanya sepanjang tahun 2017 ini.

Tahniah sekali lagi diucapkan kepada semua kerana telah memberikan sumbangan kepada negara tercinta, Malaysia!
Sekian, Wassalam.

“DARIPADA PERTUBUHAN KEPADA MASYARAKAT”

**DATO’ MOHAMMAD RAZIN BIN ABDULLAH**
**PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA**




# MAKLUMAT KORPORAT

**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)**

**PENGENALAN**

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) bertanggungjawab mentadbir dan menguatkuasakan Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984 yang mana secara ringkasnya memperuntukkan kuasa bagi Jabatan untuk mengawal dan mengawasi pertubuhan supaya tidak bertentangan dengan keselamatan, ketenteraman awam, ketertiban atau akhlak negara Malaysia serta mengurus dan menyimpan rekod-rekod pendaftaran berkaitan dengan pertubuhan dan cawangan pertubuhan berdaftar. JPPM diketuai oleh Pendaftar Pertubuhan dan dibantu oleh Timbalan Pendaftar Pertubuhan. Pejabat JPPM di 14 buah negeri dan sebuah cawangan kecil di Miri, Sarawak pula diketuai oleh Penolong Pendaftar Pertubuhan. Motto JPPM adalah *“Peluang Untuk Kebajikan”* atau *“Reverence Of Sharing”.*

**AKTA PERTUBUHAN 1966**

Akta pertubuhan 1966 (Akta 335) adalah hasil percantuman tiga ordinan yang berlainan sebelum ia diluluskan, iaitu **Ordinan 1949** untuk Persekutuan Tanah Melayu, **Ordinan Pertubuhan 1957** bagi negeri Sarawak dan Ordinan Pertubuhan 1961 bagi negeri Sabah.

Akibat daripada Akta Pertubuhan 1966 itu, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan telah diwujudkan dalam tahun 1966 untuk menguatkuasakan akta tersebut berikutan pemisahan fungsi kawal selia pertubuhan daripada pejabat Pendaftaran Kesatuan Sekerja. Jabatan ini terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia pada ketika itu, yang mana kini dikenali dengan nama Kementerian Dalam Negeri (KDN). Di bawah seksyen 2 akta ini, sesuatu ‘pertubuhan’ ditakrif sebagai termasuk mana-mana kelab, syarikat, perkongsian atau persatuan dengan tujuh (7) atau lebih orang tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal.

## Matlamat Jabatan

“ Matlamat Jabatan ini ialah untuk menentukan pertumbuhan dan perkembangan pertubuhan yang sihat serta teratur dan tidak bercanggah dengan kehendak-kehendak keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam atau akhlak.

## Visi

“ Peneraju pembangunan masyarakat sivil.

## Misi

“ Mentransformasi pertubuhan kearah masyarakat sivil yang dinamik dan responsif.

## Objektif

“ Memastikan pertubuhan berdaftar bergerak sejajar dengan Akta Pertubuhan 1966,Undang-undang Tubuh pertubuhan dan Dasar-Dasar Negara






## BUSINESS PROCESS
## PROSES-PROSES TERAS *(CORE PROCESSES)*



## LOGO JPPM

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

Melambangkan penyatuan masyarakat
majmuk terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama

Selain itu, ia membentuk bunga yang mempunyai 5 kelopak melambangkan 5 Rukun Negara

Melambangkan kebebasan dalam memupuk kelompok masyarakat

Melambangkan penguatkuasaan undang-undang yang harus ditepati oleh setiap badan atau pertubuhan

Biru melambangkan dedikasi sepertimana JPPM berusaha membangunkan pertubuhan yang baharu

Turqoise melambangkan pertubuhan lestari yang bernaung di bawah JPPM

Kuning melambangkan kecemerlangan dan menuju kemajuan

Merah melambangkan semangat JPPM yang waja, berani dalam menerajui pembangunan pertubuhan

Putih melambangkan keikhlasan pihak JPPM dalam melaksanakan tanggungjawab dalam memupuk




# PIAGAM PELANGGAN JPPM




## NILAI-NILAI BERSAMA

Selaras dengan usaha-usaha penerapan dan pemantapan nilai-nilai murni di kalangan pegawai-pegawai Jabatan, Kod Etika disediakan sebagai panduan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan daripada Stakeholders. Kod Etika Jabatan mengandungi empat (4) prinsip utama seperti berikut:

i. **Profesionalisme**
Sentiasa menjalankan tugas tanpa pilih kasih, sentiasa objektif dan tidak mementingkan diri serta sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran berterusan.

ii. **Bekerja sebagai satu pasukan**
Bekerja kearah mencapai misi dan visi Jabatan dengan sentiasa melibatkan diri dan memberi sumbangan dalam aktiviti Jabatan, berkongsi pengalaman, maklumat dan ilmu pengetahuan.

iii. **Berorientasikan perkhidmatan**
Sentiasa melaksanakan tugas dengan segera (sense of urgency) dan melakukan yang terbaik untuk mencapai kecemerlangan serta sentiasa berusaha menambahbaik dan meningkatkan prestasi kerja.

iv. **Berhemah dan berwibawa**
Sentiasa jujur, mematuhi peraturan, amanah, berakauntabiliti, tenang dan sabra serta boleh menyesuaikan diri dalam semua keadaan. Bersedia menerima teguran dan kritikan berguna.

## STRUKTUR ORGANISASI PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA






# STRUKTUR ORGANISASI JABATAN

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia beribu pejabat di Putrajaya dan mempunyai 14 buah pejabat negeri serta sebuah cawangan di Miri. Jabatan ini diketuai oleh Pendaftar Pertubuhan dan dibantu oleh Timbalan Pendaftar Pertubuhan. Pejabat-pejabat JPPM negeri pula diketuai oleh Pengarah/Penolong Pendaftar Pertubuhan. Jumlah semasa perjawatan Jabatan adalah sebanyak 269. Daripada jumlah ini, 1 perjawatan adalah daripada Pengurusan Tertinggi, 26 perjawatan adalah daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, manakala 242 perjawatan lagi adalah daripada Kumpulan Sokongan.

## 1. PERINGKAT IBU PEJABAT

Struktur organisasi Ibu Pejabat terdiri daripada empat (4) bahagian, iaitu Bahagian Pengurusan Pertubuhan, Bahagian Pematuhan, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat serta Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan. Fungsi dan tanggungjawab setiap bahagian berkenaan adalah seperti berikut :

### 1.1. BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat bertanggungjawab merancang, mengurus, membangun dan menyelenggara segala sistem maklumat berkomputer dan elemen berkaitan ICT Jabatan bagi memenuhi keperluan semasa. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat terbahagi kepada tiga cawangan iaitu Cawangan Analisis, Cawangan Teknikal dan Cawangan Dasar ICT.

### 1.2. BAHAGIAN SUMBER MANUSIA DAN KHIDMAT PENGURUSAN

Pengurusan Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan bertanggungjawab terhadap hal-hal berkaitan perkhidmatan, perjawatan, latihan serta pengurusan prestasi dan disiplin pegawai. Selain itu, bahagian ini juga menguruskan hal-hal berkaitan pengurusan dan pentadbiran am pejabat, pengurusan kualiti dan produktiviti, perhubungan awam dan khidmat korporat serta keselamatan. Bahagian ini turut berfungsi dalam menguruskan kewangan dan akaun Jabatan.

## 2. PERINGKAT JPPM NEGERI

Pada dasarnya tugas dan tanggungjawab JPPM Negeri adalah sama seperti tanggungjawab di Ibu Pejabat, iaitu menerima, memproses dan meluluskan permohonan pendaftaran pertubuhan kecuali menyemak permohonan bai kategori politik, perdagangan, antarabangsa, agama dan lain-lain pertubuhan di peringkat nasional. Struktur JPPM Negeri terbahagi kepada empat (4) cawangan iaitu Cawangan Pengurusan Pertubuhan, Cawangan Kawalan, Cawangan Penguatkuasaan dan Cawangan Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan. Tugas dan tanggungjawab setiap cawangan adalah seperti berikut :

### 2.1 CAWANGAN PENGURUSAN PERTUBUHAN

Cawangan ini bertanggungjawab memproses permohonan pendaftaran pertubuhan, bergerak sementara, pindaan undang-undang, pertukaran nama pertubuhan dan alamat berdaftar, pendaftaran pegawai harta dan pegawai awam. Cawangan ini juga bertanggungjawab memberi khidmat nasihat serta bimbingan mengenai pertubuhan.

### 2.2 CAWANGAN KAWALAN

Cawangan ini bertanggungjawab menerima, memantau dan menyemak Penyata Tahunan yang dihantar oleh pertubuhan induk dan cawangan. Melalui semakan Penyata Tahunan, cawangan ini akan memastikan pengurusan kewangan pertubuhan adalah teratur, kepentingan dan hak-hak ahli terjamin. Selain itu, cawangan ini juga bertanggungjawab mengeluarkan notis-notis di bawah Seksyen 13(2), 14(2) dan 14(5) serta mengesyorkan pembatalan sesebuah pertubuhan yang gagal mematuhi kehendak notis-notis yang dikeluarkan.

### 2.3 CAWANGAN PENGUATKUASAAN

Cawangan Penguatkuasaan bertanggungjawab melakukan lawatan pemeriksaan ke atas pertubuhan berdaftar secara bernotis atau tanpa notis. Cawangan ini juga bertanggungjawab menjalankan siasatan ke atas semua aduan yang diterima sama ada yang melanggar peruntukan peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau Perlembagaan Pertubuhan serta melakukan risikan ke atas pertubuhan tidak berdaftar yang diyakini bergerak aktif.

### 2.4 CAWANGAN SUMBER MANUSIA DAN KHIDMAT PENGURUSAN

Cawangan ini bertanggungjawab mengenai pengurusan sumber manusia, pentadbiran am pejabat, pengurusan kualiti dan produktiviti serta keselamatan. Selain itu, cawangan ini turut berfungsi dalam mengawal perbelanjaan dan kutipan hasil Jabatan di peringkat negeri.




## CARTA ORGANISASI
## JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN

**KETUA PENGARAH**

**TIMBALAN KETUA PENGARAH**

**BAHAGIAN PENGURUSAN PERTUBUHAN**
- PENGURUSAN PERTUBUHAN

**BAHAGIAN PENGUATKUASAAN**
- CAWANGAN PENGUATKUASAAN
- CAWANGAN SIASATAN

**BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI**
- CAWANGAN ANALISIS
- CAWANGAN TEKNIKAL
- CAWANGAN DASAR ICT

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA DAN KHIDMAT PENGURUSAN**
- CAWANGAN SUMBER MANUSIA
- CAWANGAN KHIDMAT PENGURUSAN /PEROLEHAN
- CAWANGAN KEWANGAN
- CAWANGAN DASAR & KORPORAT

**CAWANGAN JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA DI 14 NEGERI**

## JUMLAH PENDAFTARAN PERTUBUHAN BAHARU TAHUN 2017







# LAPORAN PENCAPAIAN




## PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

### 1. PENGENALAN JABATAN

Sumber Manusia atau modal insan merupakan pemangkin kepada pembangunan dan kemajuan

sesebuah organisasi. Justeru itu, Jabatan sentiasa memastikan semua warganya mendapat latihan secara menyeluruh dan bersesuaian dengan tugas-tugas harian supaya mutu penyampaian perkhidmatan yang diberikan adalah yang terbaik dan memenuhi kehendak semasa pelanggan.

#### 1.1. PERJAWATAN DAN PENEMPATAN

Struktur perjawatan Jabatan terbahagi kepada dua, iaitu perjawatan di peringkat Ibu Pejabat dan peringkat Negeri. Jawatan tertinggi di Jabatan adalah Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred JUSA C dengan gelaran Ketua Pengarah/Pendaftar Pertubuhan Malaysia serta dibantu oleh seorang PTD Gred M54 dengan jawatan Timbalan Ketua Pengarah/Timbalan Pendaftar pertubuhan Malaysia.

Pejabat JPPM Negeri pula diketuai oleh seorang Pengarah daripada skim Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred M48. Jumlah perjawatan Jabatan adalah sebanyak 269. Daripada jumlah ini, 1 perjawatan adalah daripada Pengurusan Tertinggi, 30 perjawatan adalah daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, manakala 239 perjawatan lagi adalah daripada Kumpulan Sokongan. Kedudukan perjawatan dan pengisian bagi semua kumpulan adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Kedudukan Perjawatan Dan Pengisian Bagi Semua Kumpulan Perkhidmatan

| KUMPULAN | BIL. | JAWATAN | GRED | BIL JAWATAN | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | JAWATAN | ISI | KOSONG |
| | 1 | Ketua Pengarah PTD | Jusa C | 1 | 1 | 0 |
| | 2 | Timbalan Ketua Pengarah PTD | M54 | 1 | 0 | 1 |
| | 3 | Pengarah PTD | M48 | 13 | 13 | 0 |
| | 4 | Penolong Pendaftar PTD | M44 | 6 | 5 | 1 |
| | 5 | Penolong Pengarah PTD | M41/44 | 2 | 2 | 0 |
| | 6 | Pegawai Teknologi Maklumat | F48 | 1 | 1 | 0 |
| | 8 | Pegawai Teknologi Maklumat | F44/F41 | 3 | 1 | 2 |
| | 9 | Penolong Penguasa Polis | YA16 | 1 | 1 | 0 |
| PENGURUSAN DAN PROFESSIONAL | 10 | Inspektor/Peg. Kanan Polis | YA13 | 2 | 2 | 0 |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| KUMPULAN SOKONGAN | 11 | Penolong Pegawai Tadbir | N36 | 15 | 14 | 1 |
| | 12 | Penolong Pegawai Tadbir | N32 | 28 | 27 | 1 |
| | 13 | Penolong Pegawai Teknologi Maklumat | F29/32 | 3 | 3 | 0 |
| | 14 | Penolong Akauntan | W32 | 1 | 1 | 0 |
| | 15 | Penolong Pegawai Tadbir | N29/N32 | 34 | 27 | 7 |
| | 16 | Pembantu Tadbir (P/O) | N26 | 1 | 1 | 0 |
| | 17 | Pembantu Tadbir (P/O) | N22 | 3 | 3 | 0 |
| | 18 | Pembantu Tadbir (Kewangan) | W22 | 1 | 1 | 0 |
| | 19 | Pembantu Tadbir (Kewangan) | W19/22 | 4 | 4 | 0 |
| | 20 | Pegawai Khidmat Pelanggan | N19/22 | 1 | 1 | 0 |
| | 21 | Pembantu Tadbir (P/O) | N19/22 | 100 | 93 | 7 |
| | 22 | Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat | N19/22/29/30/32 | 1 | 1 | 0 |
| | 23 | Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat | N19/22/29/30 | 6 | 5 | 1 |
| | 24 | Pembantu Operasi | N11/14 | 21 | 19 | 2 |
| | 25 | Pemandu Kenderaan | H11/14 | 16 | 16 | 0 |
| | 26 | Sarjan/Sarjan Mejar,Peg.Ren. Polis | YA5/6/8 | 1 | 1 | 0 |
| | 27 | Konstable/Lans Koperal/Koperal | YA1/2/4 | 3 | 3 | 0 |
| | | **JUMLAH** | | **269** | **246** | **23** |




## 1.2 STATISTIK PENEMPATAN DAN PERJAWATAN MENGIKUT NEGERI

### SELANGOR

| BIL | JAWATAN | GRED | BILANGAN JAWATAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | JAWATAN | ISI | KOSONG |
| 1 | PENGARAH | M48 | 1 | 1 | 0 |
| 2 | PENOLONG PEGAWAI TADBIR | N36 | 1 | 0 | 1 |
| | | N32 | 2 | 2 | 0 |
| | | N29/N32 | 5 | 4 | 1 |
| 3 | SETIAUSAHA PEJABAT/ PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT | N19/22/27/28/32 | 1 | 0 | 1 |
| 4 | PEMBANTU TADBIR (P/O) | N19/N22 | 6 | 6 | 0 |
| 5 | PEMBANTU OPERASI | N11 | 1 | 1 | 0 |
| 6 | PEMANDU KENDERAAN | H11 | 1 | 1 | 0 |
| | JUMLAH | | 18 | 16 | 3 |

### WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

| BIL | JAWATAN | GRED | BILANGAN JAWATAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | JAWATAN | ISI | KOSONG |
| 1 | PENGARAH | M48 | 1 | 1 | 0 |
| 2 | PENOLONG PEGAWAI TADBIR | N36 | 2 | 2 | 0 |
| | | N32 | 2 | 1 | 1 |
| | | N29/N32 | 4 | 4 | 0 |
| 3 | PEMBANTU TADBIR (P/O) | N19/N22 | 9 | 8 | 1 |
| 4 | PEMBANTU AM PEJABAT | N11 | 2 | 2 | 0 |
| 5 | PEMANDU KENDERAAN | H11 | 1 | 1 | 0 |
| | JUMLAH | | 21 | 19 | 2 |

### PULAU PINANG

| BIL | JAWATAN | GRED | BILANGAN JAWATAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | JAWATAN | ISI | KOSONG |
| 1 | PENGARAH | M48 | 1 | 1 | 0 |
| 2 | PENOLONG PEGAWAI TADBIR | N36 | 1 | 1 | 0 |
| | | N32 | 2 | 2 | 0 |
| | | N29/N32 | 2 | 1 | 1 |
| 3 | PEMBANTU TADBIR (P/O) | N19/N22 | 6 | 6 | 0 |
| 4 | PEMBANTU OPERASI | N11 | 1 | 0 | 1 |
| 5 | PEMANDU KENDERAAN | H11 | 1 | 1 | 0 |
| | JUMLAH | | 14 | 14 | 0 |

## PERAK

| BIL | JAWATAN | GRED | BILANGAN JAWATAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | JAWATAN | ISI | KOSONG |
| 1 | PENGARAH | M48 | 1 | 1 | 0 |
| 2 | PENOLONG PEGAWAI TADBIR | N36 | 1 | 1 | 0 |
| | | N32 | 2 | 2 | 0 |
| | | N29/N32 | 5 | 5 | 0 |
| 3 | SETIAUSAHA PEJABAT/ PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT | N19/22/27/28/32 | 1 | 1 | 0 |
| 4 | PEMBANTU TADBIR (P/O) | N19/N22 | 7 | 7 | 0 |
| 5 | PEMBANTU OPERASI | N11 | 2 | 2 | 0 |
| 6 | PEMANDU KENDERAAN | H11 | 1 | 1 | 0 |
| | JUMLAH | | 20 | 20 | 0 |

## JOHOR

| BIL | JAWATAN | GRED | BILANGAN JAWATAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | JAWATAN | ISI | KOSONG |
| 1 | PENGARAH | M48 | 1 | 1 | 0 |
| 2 | PENOLONG PEGAWAI TADBIR | N36 | 1 | 1 | 0 |
| | | N32 | 2 | 2 | 0 |
| | | N29/N32 | 4 | 3 | 1 |
| 3 | SETIAUSAHA PEJABAT/ PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT | N19/22/27/28/32 | 1 | 1 | 0 |
| 4 | PEMBANTU TADBIR (P/O) | N19/N22 | 6 | 5 | 1 |
| 5 | PEMBANTU OPERASI | N11 | 1 | 1 | 0 |
| 6 | PEMANDU KENDERAAN | H11 | 1 | 1 | 0 |
| | JUMLAH | | 17 | 15 | 2 |

## TERENGGANU

| BIL | JAWATAN | GRED | BILANGAN JAWATAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | JAWATAN | ISI | KOSONG |
| 1 | PENGARAH | M48 | 1 | 1 | 0 |
| 2 | PENOLONG PEGAWAI TADBIR | N32 | 2 | 2 | 0 |
| | | N29/N32 | 5 | 4 | 1 |
| 3 | PEMBANTU TADBIR (P/O) | N19/N22 | 5 | 5 | 0 |
| 4 | PEMBANTU OPERASI | N11 | 1 | 1 | 0 |
| 5 | PEMANDU KENDERAAN | H11 | 1 | 1 | 0 |
| | JUMLAH | | 11 | 11 | 0 |




## KEDAH

| BIL | JAWATAN | GRED | BILANGAN JAWATAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | JAWATAN | ISI | KOSONG |
| 1 | PENGARAH | M48 | 1 | 1 | 0 |
| 2 | PENOLONG PEGAWAI TADBIR | N36 | 1 | 1 | 0 |
| | | N32 | 2 | 2 | 0 |
| | | N29/N32 | 1 | 1 | 0 |
| 3 | PEMBANTU TADBIR (P/O) | N19/N22 | 5 | 5 | 0 |
| 4 | PEMBANTU OPERASI | N11 | 1 | 1 | 0 |
| 5 | PEMANDU KENDERAAN | H11 | 1 | 1 | 0 |
| | JUMLAH | | 12 | 12 | 0 |

## PAHANG

| BIL | JAWATAN | GRED | BILANGAN JAWATAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | JAWATAN | ISI | KOSONG |
| 1 | PENGARAH | M48 | 1 | 1 | 0 |
| 2 | PENOLONG PEGAWAI TADBIR | N36 | 1 | 1 | 0 |
| | | N32 | 2 | 1 | 1 |
| | | N29/N32 | 2 | 2 | 0 |
| 3 | PEMBANTU TADBIR (P/O) | N19/N22 | 8 | 8 | 0 |
| 4 | PEMBANTU OPERASI | N11 | 1 | 1 | 0 |
| 5 | PEMANDU KENDERAAN | H11 | 1 | 1 | 0 |
| | JUMLAH | | 16 | 15 | 1 |

## KELANTAN

| BIL | JAWATAN | GRED | BILANGAN JAWATAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | JAWATAN | ISI | KOSONG |
| 1 | PENGARAH | M48 | 1 | 1 | 0 |
| 2 | PENOLONG PEGAWAI TADBIR | N36 | 1 | 1 | 0 |
| | | N32 | 2 | 2 | 0 |
| | | N29/N32 | 1 | 1 | 0 |
| 3 | PEMBANTU TADBIR (P/O) | N19/N22 | 5 | 5 | 0 |
| 4 | PEMBANTU OPERASI | N11 | 1 | 1 | 0 |
| 5 | PEMANDU KENDERAAN | H11 | 1 | 1 | 0 |
| | JUMLAH | | 12 | 12 | 0 |

## SABAH

| BIL | JAWATAN | GRED | BILANGAN JAWATAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | JAWATAN | ISI | KOSONG |
| 1 | PENGARAH | M48 | 1 | 1 | 0 |
| 2 | PENOLONG PEGAWAI TADBIR | N36 | 1 | 1 | 0 |
| | | N32 | 2 | 2 | 0 |
| | | N29/N32 | 4 | 3 | 1 |
| 3 | SETIAUSAHA PEJABAT/ PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT | N19/22/27/28/32 | 1 | 1 | 0 |
| 4 | PEMBANTU TADBIR (P/O) | N19/N22 | 6 | 6 | 0 |
| 5 | PEMBANTU OPERASI | N11 | 1 | 1 | 0 |
| 6 | PEMANDU KENDERAAN | H11 | 1 | 1 | 0 |
| | JUMLAH | | 18 | 17 | 1 |

## SARAWAK

| BIL | JAWATAN | GRED | BILANGAN JAWATAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | JAWATAN | ISI | KOSONG |
| 1 | PENGARAH | M48 | 1 | 1 | 0 |
| 2 | PENOLONG PEGAWAI TADBIR | N36 | 1 | 1 | 0 |
| | | N32 | 2 | 1 | 1 |
| | | N29/N32 | 4 | 4 | 0 |
| 3 | SETIAUSAHA PEJABAT/ PEMBANTU SE-TIAUSAHA PEJABAT | N19/22/27/28/32 | 1 | 1 | 0 |
| 4 | PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) | W19/22 | 1 | 1 | 0 |
| 5 | PEMBANTU TADBIR (P/O) | N19/N22 | 6 | 6 | 0 |
| 6 | PEMBANTU OPERASI | N11 | 1 | 1 | 0 |
| 7 | PEMANDU KENDERAAN | H11 | 1 | 1 | 0 |
| | JUMLAH | | 17 | 16 | 1 |

## MIRI

| BIL | JAWATAN | GRED | BILANGAN JAWATAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | JAWATAN | ISI | KOSONG |
| **1** | PENOLONG PEGAWAI TADBIR | N36 | 1 | 1 | 0 |
| | | N29 | 1 | 0 | 1 |
| **4** | PEMBANTU TADBIR (P/O) | N19/N22 | 1 | 1 | 0 |
| 5 | PEMBANTU OPERASI | N11 | 1 | 1 | 0 |
| | JUMLAH | | 4 | 3 | 1 |




## NEGERI SEMBILAN

| BIL | JAWATAN | GRED | BILANGAN JAWATAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | JAWATAN | ISI | KOSONG |
| 1 | PENGARAH | M48 | 1 | 1 | 0 |
| 2 | PENOLONG PEGAWAI TADBIR | N36 | 1 | 1 | 0 |
| | | N32 | 2 | 2 | 0 |
| 3 | PEMBANTU TADBIR (P/O) | N19/N22 | 5 | 5 | 0 |
| 4 | PEMBANTU OPERASI | N11 | 1 | 1 | 0 |
| 5 | PEMANDU KENDERAAN | H11 | 1 | 1 | 0 |
| | **JUMLAH** | | **11** | **11** | **0** |

## MELAKA

| BIL | JAWATAN | GRED | BILANGAN JAWATAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | JAWATAN | ISI | KOSONG |
| 1 | PENGARAH | M48 | 1 | 1 | 0 |
| 2 | PENOLONG PEGAWAI TADBIR | N36 | 1 | 1 | 0 |
| | | N32 | 2 | 2 | 0 |
| 3 | PEMBANTU TADBIR (P/O) | N19/N22 | 5 | 5 | 0 |
| 4 | PEMBANTU OPERASI | N11 | 1 | 1 | 0 |
| 5 | PEMANDU KENDERAAN | H11 | 1 | 1 | 0 |
| | **JUMLAH** | | **11** | **11** | **0** |

## PERLIS

| BIL | JAWATAN | GRED | BILANGAN JAWATAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | JAWATAN | ISI | KOSONG |
| 1 | PENGARAH | M48 | 1 | 1 | 0 |
| 2 | PENOLONG PEGAWAI TADBIR | N32 | 2 | 2 | 0 |
| 3 | PEMBANTU TADBIR (P/O) | N19/N22 | 3 | 3 | 0 |
| 4 | PEMBANTU OPERASI | N11 | 1 | 0 | 1 |
| 5 | PEMANDU KENDERAAN | H11 | 1 | 1 | 0 |
| | **JUMLAH** | | **8** | **7** | **1** |

## 1. LATIHAN DAN KURSUS

Selaras dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Pelan operasi latihan Jabatan 2013, untuk meningkatkan pembangunan modal insan di Jabatan, latihan kepada pegawai dilaksanakan secara Latihan Dalaman dan Latihan Luaran. Latihan Sasaran tujuh hari berkursus secara sekata setiap tahun menunjukkan keperluan latihan dan pendedahan berterusan adalah perlu bagi meningkat kualiti kerja dan mutu penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Latihan yang diberikan kepada pegawai Jabatan adalah berkaitan dengan tugas yang diamanahkan dan meliputi keseluruhan fungsi dan peranan Jabatan.

Jadual 2 : Kursus / Bengkel dalaman anjuran JPPM sepanjang tahun 2017

| BIL. | PROGRAM | TEMPAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1 | LATIHAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT(ISO/IEC 27001:2013 ISMS) | BILIK LATIHAN IT, IBU PEJABAT | 6-10 Februari 2017 |
| 2 | BENGKEL e-ROSES HAND OF TRAINING TAHUN 2017 | BILIK MESYUARAT UTAMA ARAS 3, JPPM PUTRAJAYA | 21-22 Februari 2017 |
| 3 | SESI PEMAN TAPAN KEFAHAMAN AKTA PERTUBUHAN 1966 ANJURAN JPPM MALAYSIA | BILIK MESYUARAT UTAMA ARAS 3, JPPM PUTRAJAYA | 23-Feb-17 |
| 4 | BENGKEL PEMANTAPAN PROJEK KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) SIRI 1/2017, JPPM | CAMAR LAUT RESORT SEPANG | 27, 28 Februari & 1 Mac 2017 |
| 5 | LATIHAN TEKNIKAL KESELAMATAN MAKLUMAT MERANGKUMI APLIKASI DAN RANGKAIAN | BILIK LATIHAN IT, IBU PEJABAT | 21 - 24 Mac 2017 |
| 6 | KURSUS ASAS RISIKAN | | 7-9 Mac 2017 |
| 7 | KURSUS E-PEMATUHAN | BILIK MESYUARAT UTAMA ARAS 3, JPPM PUTRAJAYA | 20-22 Mac 2017 |
| 8 | BENGKEL INTENSIF PINDAAN AKTA PERTUBUHAN 196 ANJURAN BAHAGIAN PENGURUSAN PERTUBUHAN JPPM MALAYSIA | PUSAT DAKWAH ISLAMIAH PAROI | 27-29 Mac 2017 |
| 9 | KURSUS BLUE OCEAN STRATEGY (NBOS) ONLINE JPPM MALAYSIA BIL. 1/2017 | BILIK MESYUARAT UTAMA ARAS 3, JPPM PUTRAJAYA | 28 Mac 2017 |
| 10 | KURSUS PEMANTAPAN PASUKAN JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA 2017 | INSPEN | 6-9 April 2017 |




| | | | |
|---|---|---|---|
| 11 | PROGRAM WALKABOUT YBHG. DATO KP BERSAMA PENGARAH- PENGARAH NEGERI, PEGAWAI-PEGAWAI JPPM DAN PERSATUAN JPPM MALAYSIA | PULAU REDANG TERENGGANU | 13-15 April 2017 |
| 12 | KURSUS TRAINING OF TRAINERS(TOT) SISTEM PENGURUSAN LATIHAN (MYLATIHAN) JPPM MALAYSIA | BILIK MESYUARAT UTAMA ARAS 3, JPPM PUTRAJAYA | 17-19 April 2017 |
| 13 | BENGKEL PENYIASATAN SIRI 1/2017 | KOMLPLEKS DAGANGAN MAHKOTA, KUANTAN, PAHANG | 25-27 April 2017 |
| 14 | KURSUS BLUE OCEAN STRATEGY (NBOS) ONLINE JPPM MALAYSIA BIL. 2/2017 | BILIK MESYUARAT UTAMA ARAS 3, JPPM PUTRAJAYA | 28-Apr-17 |
| 15 | KURSUS BLUE OCEAN STRATEGY (NBOS) ONLINE JPPM MALAYSIA BIL. 3/2017 | BILIK MESYUARAT UTAMA ARAS 3, JPPM PUTRAJAYA | 8 Mei 2017 |
| 16 | KURSUS BLUE OCEAN STRATEGY (NBOS) ONLINE JPPM MALAYSIA BIL. 4/2017 | BILIK MESYUARAT UTAMA ARAS 3, JPPM PUTRAJAYA | 11 Mei 2017 |
| 17 | TAKLIMAT PEGAWAI PENGELAS (OLEH WAKIL CGSO) | | 15 Mei 2017 |
| 18 | KURSUS BLUE OCEAN STRATEGY (NBOS) ONLINE JPPM MALAYSIA BIL. 5/2017 | BILIK MESYUARAT UTAMA ARAS 3, JPPM PUTRAJAYA | 22 Mei 2017 |
| 19 | TAKLIMAT BUDAYA INTEGRITI ETIKA KERJA DALAM ORGANISASI JPPM MALAYSIA | BILIK MESYUARAT UTAMA ARAS 3, JPPM PUTRAJAYA | 23 Mei 2017 |
| 20 | PERSIDANGAN RO | | 25 Mei 2017 |
| 21 | PROGRAM PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI PENJAWAT AWAM (JPPM) BIL.1/2017 | BILIK MESYUARAT UTAMA ARAS 3, JPPM PUTRAJAYA | 2-Jun-17 |
| 22 | PROGRAM PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI PENJAWAT AWAM (JPPM) BIL.2/2017 | BILIK MESYUARAT UTAMA ARAS 3, JPPM PUTRAJAYA | 16-Jun-17 |
| 23 | BENGKEL KONVENSYEN KIK SIR 2/2017 JPPM | FELDA TROLAK | 7-9 Ogos 2017 |
| 24 | KURSUS PENGATURCARAAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI FRAMEWORK LARAVEL( BEGINNER & INTERMIDIETE LEVEL) | BILIK LATIHAN IT, IBU PEJABAT | 19-25 Oktober 2017 |
| 25 | KURSUS TRANSFORMASI DIRI DAN PEMBINAAN PASUKAN BAGI PEMBANTU OPERASI GRED N11 DAN PEMANDU KENDERAAN GRED H11 JPPM BAGI TAHUN 2017 | AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT KUALA KUBU BHARU | 6-8 September 2017 |
| 26 | BENGKEL PEMANTAPAN KUMPULAN INOVASI BIL. 1/2017 | CAMAR LAUT RESORT SEPANG | 18-19 September 2017 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 27 | BENGKEL ISO JPPM SIRI 2 | MERDEKA PALACE | 26-28 Oktober 2017 |
| 28 | BENGKEL PENULISAN LAPORAN PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK 2015-2017 | BUKIT TINGGI, PAHANG | 26-27 November 2017 |

## 2. PRESTASI PERBELANJAAN

Secara keseluruhannya, peruntukkan yang diluluskan kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM 22,835,400.00. Manakala peruntukkan yang diterima pada tahun 2017 adalah sebanyak RM 21,511,197.00 dan sebanyak RM 20,212,015.35 telah dibelanjakan iaitu sebanyak 93.96% daripad jumlah keseluruhan. Laporan perbelanjaan bagi Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia seperti ditunjukkan pada Jadual 4.

Jadual 4 : Laporan Kedudukan Perbelanjaan Sehingga 31 Disember 2017 JPPM




Jumlah Kutipan Hasil Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia pada tahun 2017 adalah sebanyak RM 264,564.04 , di mana jumlah tersebut diperolehi daripada kutipan fi yang dikenakan untuk yuran pendaftaran pertubuhan, carian maklumat pertubuhan dan yuran rayuan terhadap penolakan atau pembatalan pendaftaran pertubuhan serta jualan panduan contoh Perlembagaan Pertubuhan.




## 2. PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

### 2.1 PENGENALAN BAHAGIAN

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) adalah satu bahagian yang berfungsi dalam menjadikan ICT sebagai pemacu di dalam meningkatkan system penyampaian perkhidmatan di JPPM. Fungsi utama BPTM adalah untuk memastikan pengurusan peralatan dan sIstem-sistem ICT dilaksanakan dengan cekap dan optimum. BPTM bekerjasama rapat dengan semua Bahagian di JPPM dalam membangun dan menyelenggara system menepati kehendak dan fungsi masing-masing serta memberikan perkhidmatan teknikal ICT yang terbaik bagi membantu dalam meningkatkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan Jabatan.

Bahagian ini terbahagi kepada dua cawangan iaitu Cawangan Analisis dan Cawangan Teknikal yang mempunyai bidang tugas masing-masing. Antara tugas-tugas yang dijalankan adalah :

**Cawangan Analisis :**

a) Mengkaji, membangun, menyelenggara, memantau Sistem Elektronik Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (eROSES) secara dalaman
b) Membangun, mengemaskini, memantau, kajian semula Portal Jabatan supaya sentiasa memberi maklumat terkini dan boleh dicapai sepanjang masa
c) Memberi khidmat sokongan dan penggunaan sistem aplikasi Jabatan dan aplikasi lain di bawah EG*Net
d) Membantu pengurusan keselamatan ICT bagi aplikasi Jabatan

**Cawangan Teknikal :**

a) Memantau dan mentadbir rangkaian LAN yang digunakan di Ibu Pejabat dan 15 cawangan JPPM Negeri.
b) Mentadbir dan membuat pemasangan Anti Virus bagi Ibu Pejabat dan 15 Cawangan Negeri
c) Memantau dan menyelenggara Sistem Biometrik bagi kehadiran pegawai JPPM
d) Menguruskan dan mengendalikan prosedur bagi Persijilan ISMS Jabatan

### 2.1 PENCAPAIAN BIDANG PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (BPTM) BAGI TAHUN 2017

a) Jumlah capaian bagi Portal Rasmi JPPM adalah sebanyak 3,875,568 sehingga 13 Mac 2018
b) Penambahbaikkan Dasar Keselamatan ICT (DKICT) JPPM kepada versi baharu iaitu Versi 3.0 bertarikh 12 Julai 2017
c) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) telah melalui persijilan semula di bawah skop baharu iaitu Pengurusan Maklumat Elektronik Permohonan Pertubuhan Bukan Politik Menggunakan eRoses pada 15 September 2017 sehingga 14 September 2020.

#### 2.1.1 Pengurusan Keselamatan ICT

MS ISO/IEC 27001:2013 merupakan standard prosedur yang merangkumi perlindungan semua bentuk maklumat perkhidmatan pengurusan serangan siber dan pemantauan siber perlindungan akan dilaksanakan melalui pewujudan dan penguatkuasaan sistem kawalan dan prosedur dalam pengendalian perkakasan, perisian, perkhidmatan, data atau maklumat serta manusia. Ciri-ciri utama keselamatan yang menjadi asas kepada ISMS adalah kerahsiaan, integriti dan ketersediaan.

SIRIM QAS INTERNATIONAL

# SIJIL

ISMS
SIRIM

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)**
**BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**
**ARAS 2 & 3, BLOK B**
**BANGUNAN CHANCERY PLACE**
**JALAN DIPLOMATIK 2, PRESINT DIPLOMATIK**
**62542 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**
**MALAYSIA**

STANDARDS MALAYSIA
MS ISO/IEC 27006:2011
ISMS 17022011 CB 01

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang menepati

**ISO/IEC 27001:2013**
**Information Technology – Security Techniques – Information Security Management Systems – Requirements**

UKAS MANAGEMENT SYSTEMS
074

Skop Pensijilan

**SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT KE ATAS PENGURUSAN MAKLUMAT ELEKTRONIK PERMOHONAN PERTUBUHAN BUKAN POLITIK MENGGUNAKAN SISTEM eROSES.**

***INI ADALAH MENEPATI PENYATAAN PEMAKAIAN: VERSI 6.1, 21 OGOS 2017***

IQNet

| | | |
|---|---|---|
| Issue date | : | **15 September 2017** |
| Validity period | : | **15 September 2017 - 14 September 2020** |
| Certification No. | : | **ISM 00303** |

**Mohd Azanuddin Salleh**
Pengarah Urusan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.
(No. Syarikat 410334 - X)
1, Persiaran Dato' Menteri
Seksyen 2, Peti Surat 7035
40700 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

Tel : 60-3-5544 6404
Faks : 60-3-5544 6787

http://www.sirim-qas.com.my
http://www.malaysiancertified.com.my

Penganugerahan sijil ini tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat seperti ternyata dalam Perjanjian Pensijilan.




Standard ini telah diguna pakai oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) selaku agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN). ISO/IEC 27001:2013 menyediakan rangka kerja ISMS untuk menguruskan keselamatan maklumat dengan memberi penekanan utama kepada pendekatan dan pelaksanaan dalam penilaian risiko. Keselamatan maklumat adalah faktor kritikal yang perlu diberi perhatian oleh JPPM.

## 2.2 PENGURUSAN SISTEM eROSES TAHUN 2017

Pembangunan system eROSES adalah bagi memastikan JPPM yang berperanan sebagai pendaftar, pengawal dan penguatkuasa Akta Pertubuhan 1966 di Malaysia mampu untuk :

a) meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang lebih bersistematik dan efisien selaras dengan arahan kerajaan;
b) menyediakan proses kerja yang teratur dan seragam bagi semua JPPM Negeri
c) memudahkan Jabatan dalam mengendalikan pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar berdasarkan Akta Pertubuhan 1966

### 2.2.1 Stastistik Pengguna Sistem eROSES




### 2.2.2 Bilangan Tranksaksi / Capaian Sistem eROSES mengikut modul tahun 2017



**2.3 LATIHAN DAN KURSUS**

Beberapa latihan dalaman anjuran BPTM telah dilaksanakan bagi melahirkan pegawai JPPM yang lebih cekap dan berkualiti mengikut unit iaitu :

a) Unit Kerajaan Digital
b) Unit Infrastruktur dan Keselamatan
c) Unit Dasar dan Khidmat Operasi

Antara latihan-latihan yang dijalankan adalah :

| Bil. | Nama Latihan | Objektif Latihan | Tarikh dan Tempat |
|---|---|---|---|
| 1. | **Kursus Pengguna MyMesyuarat** | -Penilaian risiko keselamatan maklumat JPPM adalah bertujuan untuk membolehkan JPPM mengukur, menganalisis tahap risiko aset maklumat dan seterusnya mengambil tindakan untuk merancang dan mengawal risiko<br><br>-Menjalankan external penetration test, web application test, host assestment dan juga network architecture review bagi JPPM<br><br>-Menyediakan laporan bagi SPA yang dijalankan | Mac 2017<br><br>Bilik Mesyuarat Utama JPPM, Chancery Place |
| 2. | **Taklimat Awareness ISMS ISO/IEC 27001:2013** | -Menggantikan system pengurusan mesyuarat secara manual kepada sistem elektronik<br><br>-Meningkatakan komunikasi dan produktiviti pengurusan surat menyurat, minit mesyuarat, memo dan jemputan mesyuarat secara dalam talian | 7 April 2017<br><br>Bilik Mesyuarat Aras 3, JPPM |
| 3. | **Bengkel Pembangunan Laman Web/ Portal Secara Coaching** | -Memantapkan pembangunan sistem secara kolborasi kumpulan<br><br>-Menambahbaik proses penurusan pembangunan system supaya lebih teratur dan perubahan kod aturcara dapat dikesan | 19-21 Jun 2017<br><br>3-7 Julai 2017<br><br>Bilik Mesyuarat Utama JPPM, Chancery Place |
| 4. | **Kursus Pengaturcaraan Menggunakan Teknologi Framework Laravel** | -Memantapkan pembangunan sistem secara kolborasi kumpulan<br><br>-Menambahbaik proses penurusan pembangunan system supaya lebih teratur dan perubahan kod aturcara dapat dikesan | 16-20 Oktober 2017<br><br>( Sesi 1)<br><br>23-25 Oktober 2017<br><br>( Sesi 2)<br><br>Bilik Latihan IT, JPPM |




Gambar-gambar bagi latihan dan kursus yang dijalankan sepanjang tahun 2017

Taklimat Awareness ISMS ISO/IEC 27001:2013





Kursus Pengaturcaraan Menggunakan Teknologi Framework Laravel





## 3. BAHAGIAN PENGURUSAN PERTUBUHAN

### 3.1 Pengenalan Bahagian

Merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas "core business" Jabatan kecuali tugas yang berkaitan dengan penyiasatan terhadap aduan di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). Bahagian ini berfungsi sebagai penyelaras bagi semua aktiviti-aktiviti "core business" yang dilaksanakan di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri (JPPN) bagi mengelakkan ketidak seragaman proses antara 14 buah cawangan tersebut.

### 3.2 Key Performance Indicator (KPI)

- Diperkenalkan sejak tahun 2012 dimana Jabatan telah menggunapakai sistem pengurusan pertubuhan secara dalam talian iaitu sistem eROSES. Hasil daripada pembangunan sistem ini, satu pangkalan data pertubuhan yang berpusat dan pemantuan menyeluruh dan berkesan dapat dilaksanakan.

- Pada tahun 2014, data cleaning telah dilaksanakan dengan memperkenalkan KPI pembatalan ke atas pertubuhan yang tidak mengemukakan penyata tahunan (PT). Sebanyak 8,099 pertubuhan telah dibatalkan akibat tidak mengemukakan PT.

- Sebanyak 1379 pertubuhan telah dibatalkan pada tahun 2015. Namun begitu, KPI tersebut tidak lagi dilaksanakan secara agresif ekoran Jabatan lebih mempergiatkan program-program yang memberikan touch point kepada pertubuhan termasuklah program seperti Code of Good Governance (COGG) serta Sambutan Hari Pertubuhan yang ke-2.

- Manakala pada tahun 2016 sehingga kini, Jabatan telah memperkenalkan elemen penguatkuasaan ke atas pertubuhan dengan melaksanakan pemeriksaan pertubuhan sebagai KPI. Statistik pemeriksaan pada tahun 2016 sehingga 2017 adalah seperti berikut :

| PERKARA | TAHUN 2016 | TAHUN 2017 |
|---|---|---|
| Pertubuhan Keagamaan | 1,959 | 2,260 |
| Pertubuhan Kebajikan | 2,851 | 3,127 |
| **JUMLAH** | **4,810** | **5,387** |

- Program outreach telah dilaksanakan secara berterusan dengan tujuan menyediakan peluang kepada pertubuhan untuk berkomunikasi secara langsung dengan Jabatan. Statistik program outreach untuk tahun 2016 sehingga 2017 adalah seperti berikut :

| PERKARA | BIL. OUTREACH |
|---|---|
| Tahun 2016 | 262 |
| Tahun 2017 | 337 |
| **JUMLAH** | **599** |

- Untuk tahun 2018, KPI Jabatan telah menetapkan sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah pertubuhan diperiksa dan perlu mematuhi Akta Pertubuhan 1966. KPI tersebut merupakan KPI hybrid di mana elemen pemantuan dan elemen pendidikan digabungkan dengan tujuan mewujudkan pertubuhan yang lebih berkualiti.




### 3.3 Geran Persatuan Penduduk

Diperkenalkan oleh Kerajaan bermula tahun 2013 dengan peruntukkan sebanyak RM 40 juta untuk diberikan agihan sebanyak RM10,000.00 kepada setiap persatuan penduduk yang berdaftar di bawah JPPM. Pada tahun 2017, geran tersebut telah diperluaskan kepada JMB/MC di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jumlah persatuan yang menerima geran dari tahun 2013 sehingga 2017 adalah seperti di Jadual 1:

Jadual 1 : Jumlah Persatuan Penduduk Dari Tahun 2013 Sehingga 2017

| PERKARA | TAHUN | TAHUN | TAHUN |
|---|---|---|---|
| | 2013 | 2014 | 2017 |
| PERSATUAN PENDUDUK | 1,510 | 298 | 1,558 |
| JMB/MC | | | 492 |
| JUMLAH | 1,510 | 298 | 2,050 |

3.3.1 Statistik Mengenai Pertubuhan dan Geran Penduduk Tahun 2017

a) Jumlah Permohonan Pertubuhan Mengikut Negeri

Sepanjang tahun 2017, Jabatan telah meluluskan sebanyak 6583 permohonan pertubuhan daripada jumlah keseluruhan. Lima (5) JPPM Negeri yang mencatatkan jumlah persatuan berdaftar yang paling tinggi termasuklah JPPM Negeri Selangor iaitu mencatatkan sejumlah 1926 persatuan. Ia diikuti oleh JPPM W.P. Kuala Lumpur sebanyak 813 persatuan; JPPM Negeri Johor sebanyak 743 persatuan: JPPM Perak sebanyak 392 persatuan dan JPPM Negeri Sembilan sebanyak 381 persatuan. Sebanyak 4328 permohonan daripada jumlah keseluruhan telah ditolak pada tahun 2017 di atas beberapa syarat yang tidak dipenuhi sepanjang proses permohonan.

| NEGERI | Mohon | Lulus | Tolak |
|---|---|---|---|
| JOHOR | 1341 | 743 | 598 |
| KEDAH | 582 | 264 | 318 |
| KELANTAN | 273 | 205 | 68 |
| MELAKA | 324 | 187 | 137 |
| NEGERI SEMBILAN | 543 | 381 | 162 |
| PAHANG | 492 | 333 | 159 |
| PERAK | 682 | 392 | 290 |
| PERLIS | 68 | 47 | 21 |
| PULAU PINANG | 736 | 376 | 360 |
| SABAH | 644 | 360 | 284 |
| SARAWAK | 489 | 322 | 167 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| SELANGOR | 3072 | 1926 | 1146 |
| TERENGGANU | 193 | 163 | 30 |
| WP KUALA LUMPUR | 1358 | 813 | 545 |
| LABUAN | 17 | 12 | 5 |
| PUTRAJAYA | 97 | 59 | 38 |
| **JUMLAH** | **10911** | **6583** | **4328** |

b) Bilangan Pertubuhan Berdaftar dari tahun 2013-2017

Statistik pertubuhan berdaftar bagi Induk dan Cawangan dari tahun 2013 sehingga tahun 2017 seperti di Jadual b(i) yang menunjukkan peningkatan sebanyak 8,617 jumlah pertubuhan bagi perbezaan antara dua tahun iaitu 2016 dan 2017.

Jadual b(i) : Jumlah Persatuan Berdaftar Dari Tahun 2008 Sehingga 2017

| TAHUN | INDUK | CAWANGAN | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| Sehingga 2013 | 52,980 | 67,013 | 119,993 |
| Sehingga 2014 | 51,144 | 60,916 | 112,060 |
| Sehingga 2015 | 56,298 | 59,741 | 116,039 |
| Sehingga 2016 | 60,286 | 59,796 | 120,082 |
| Sehingga 2017 | 65,108 | 63,591 | 128,699 |




Jadual b(ii) : Statistik Pertubuhan Induk Berdaftar Tahun 2017

| Negeri / Kategori | JOHOR | KEDAH | KELANTAN | MELAKA | N.SEMBILAN | PAHANG | P.PINANG | PERAK | PERLIS | SELANGOR | TERENGGANU | SABAH | SARAWAK | WPKL | WP LABUAN | PUTRAJAYA | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| POLITIK | 1 | | 1 | | 1 | | 4 | | | 9 | | 21 | 12 | 14 | | | 63 |
| KEBAJIKAN | 1,900 | 863 | 685 | 520 | 767 | 928 | 1,113 | 1,709 | 121 | 3,905 | 464 | 1,007 | 1,079 | 2,722 | 59 | 208 | 18,050 |
| SOSIAL | 1,858 | 546 | 320 | 568 | 713 | 594 | 1,046 | 1,215 | 76 | 4,572 | 213 | 785 | 853 | 2,224 | 21 | 146 | 15,750 |
| REKREASI | 975 | 202 | 131 | 179 | 274 | 343 | 436 | 476 | 51 | 1,537 | 143 | 760 | 1,025 | 1,065 | 64 | 71 | 7,732 |
| FAEDAH BER-SAMA (KHAIRAT KEMATIAN) | 131 | 307 | 48 | 107 | 120 | 133 | 106 | 294 | 34 | 129 | 62 | 47 | 36 | 66 | 0 | 2 | 1,622 |
| KEBUDAYAAN DAN KESENIAN | 432 | 109 | 95 | 131 | 94 | 131 | 213 | 243 | 23 | 553 | 74 | 243 | 320 | 419 | 11 | 19 | 3,110 |
| PERDAGANGAN | 582 | 177 | 90 | 116 | 111 | 175 | 284 | 270 | 26 | 848 | 89 | 507 | 317 | 834 | 22 | 24 | 4,472 |
| IKHTISAS | 20 | 35 | 29 | 89 | 18 | 17 | 66 | 103 | 10 | 269 | 10 | 34 | 41 | 191 | 2 | 14 | 948 |
| HAK ASASI | 49 | 22 | 15 | 20 | 17 | 12 | 24 | 117 | 5 | 179 | 8 | 49 | 30 | 87 | 1 | 3 | 638 |
| KESELAMATAN | 59 | 54 | 17 | 10 | 34 | 44 | 54 | 85 | 8 | 111 | 19 | 49 | 52 | 34 | 5 | 2 | 637 |
| KEAGAMAAN | 2,617 | 437 | 69 | 430 | 438 | 371 | 1,586 | 1,523 | 37 | 2,631 | 40 | 271 | 473 | 1,072 | 15 | 5 | 12,015 |
| Tiada Maklumat | 1 | | | | 2 | | | 43 | | 2 | | 14 | 1 | 8 | | | 71 |
| Jumlah | 8,625 | 2,752 | 1,500 | 2,170 | 2,589 | 2,748 | 4,932 | 6,078 | 391 | 14,745 | 1,122 | 3,787 | 4,239 | 8,736 | 200 | 494 | 65,108 |

Bagi tahun 2017 berlaku peningkatan bagi semua kategori dengan jumlah keseluruhan sebanyak 65,108. Antara 5 kategori teratas adalah Kebajikan sebanyak 18,050, Sosial sebanyak 15,750 , Keagamaan sebanyak 12,015 , Rekreaksi sebanyak 7,732 dan Perdagangan sebanyak 4,472.

| Negeri / Kategori | JOHOR | KEDAH | KELANTAN | MELAKA | N.SEMBILAN | PAHANG | P.PINANG | PERAK | PERLIS | SELANGOR | TERENGGANU | SABAH | SARAWAK | WPKL | WP LABUAN | PUTRAJAYA | TIADA MAKLUMAT | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| POLITIK | 4,685 | 4,215 | 3,944 | 1,232 | 1,931 | 2,459 | 2,217 | 4,172 | 693 | 6,921 | 1,759 | 12,710 | 4,131 | 61 | 14 | 6 | 1,982 | 53,132 |
| KEBAJIKAN | 345 | 524 | 139 | 169 | 125 | 249 | 198 | 311 | 46 | 440 | 151 | 913 | 1,040 | 206 | 5 | 23 | 51 | 4,935 |
| SOSIAL | 289 | 121 | 131 | 75 | 101 | 121 | 76 | 163 | 47 | 155 | 78 | 208 | 283 | 67 | 4 | 5 | 22 | 1,946 |
| REKREASI | 36 | 8 | 3 | 8 | 18 | 28 | 6 | 13 | 2 | 49 | 7 | 48 | 39 | 24 | 0 | 2 | 4 | 295 |
| FAEDAH BERSAMA (KHAIRAT KEMATIAN) | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| KEBUDAYAAN DAN KESENIAN | 67 | 41 | 10 | 29 | 26 | 19 | 20 | 36 | 7 | 155 | 9 | 15 | 22 | 19 | 0 | 2 | 6 | 483 |
| PERDAGANGAN | 83 | 46 | 15 | 37 | 24 | 47 | 15 | 38 | 8 | 81 | 38 | 33 | 109 | 28 | 2 | 2 | 14 | 620 |
| IKHTISAS | 7 | 2 | 3 | 3 | 2 | 2 | 6 | 5 | 1 | 4 | 3 | 6 | 19 | 1 | 1 | 0 | 2 | 67 |
| HAK ASASI | 30 | 14 | 7 | 4 | 8 | 11 | 15 | 11 | 2 | 17 | 6 | 12 | 25 | 7 | 1 | 0 | 11 | 181 |
| KESELAMATAN | 1 | 5 | 0 | 1 | 3 | 1 | 1 | 14 | 0 | 16 | 0 | 0 | 1 | 5 | 0 | 0 | 0 | 48 |
| KEAGAMAAN | 258 | 44 | 11 | 69 | 75 | 32 | 68 | 108 | 4 | 170 | 7 | 596 | 149 | 62 | 0 | 1 | 29 | 1,683 |
| Tiada Maklumat | 22 | 0 | 0 | 12 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | 105 | 0 | 18 | 35 | 1 | 0 | 0 | 6 | 201 |
| Jumlah | 5,823 | 5,020 | 4,263 | 1,639 | 2,313 | 2,969 | 2,623 | 4,872 | 810 | 8,113 | 2,058 | 14,559 | 5,853 | 481 | 27 | 41 | 2,127 | 63,591 |




Jadual b (iii) : Statistik Pertubuhan Cawangan Berdaftar Tahun 2017

Secara keseluruhannya, Pertubuhan Berdaftar (Cawangan) bagi 2017 mencatat 63,591 pertubuhan. Antara 5 kategori teratas adalah Politik sebanyak 53,132 , Kebajikan sebanyak 4,935 , Sosial sebanyak 1,945 , Keagamaan sebanyak 1,683 dan Perdagangan sebanyak 620.

c) Jumlah Permohonan Rayuan diterima dan Jenis Keputusan Pada Tahun 2017

Sepanjang tahun 2017, penerimaan rayuan adalah sebanyak 378 rayuan. Terdapat dua cara penerimaan rayuan iaitu secara manual dan dalam talian sistem eROSES. Penerimaan rayuan bagi tahun 2016 yang diterima pada 2017 dan penerimaan secara manual melalui JPPM Negeri adalah sebanyak 324. Manakala, secara talian sebanyak 54 rayuan sahaja. Diikuti dengan jumlah rayuan yang ditarik semula dan permohonan yang tidak lengkap masing-masing sebanyak 2 dan 1 rayuan sahaja.

| PERKARA | RAYUAN PADA 2016 YANG DITERIMA PADA 2017 | 2017 | | JUMLAH 2017 |
|---|---|---|---|---|
| | | MANUAL | ONLINE | |
| **Bil. Permohonan rayuan** | 131 | 193 | 54 | 378 |
| **Lulus** | 77 | 46 | 1 | 124 |
| **Tolak** | 28 | 24 | 0 | 52 |
| **Lulus Bersyarat** | 25 | 33 | 0 | 58 |
| **belum ada Keputusan** | 0 | 68 | 41 | 109 |
| ***Tarik balik rayuan** | 1 | 1 | 0 | 2 |
| ***Permohonan Tidak Lengkap** | 0 | 1 | 0 | 1 |
| **JUMLAH** | **262** | **366** | **96** | **724** |

d) Penerimaan Penyata Tahunan Seksyen 14 (1) Bagi Pertubuhan Induk Pada Tahun 2017

Graf di bawah menunjukkan statistik penerimaan penyata tahunan bagi pertubuhan induk mengikut negeri dimana 3 buah negeri mencatat jumlah tertinggi iaitu Perlis sejumlah 7325 diikuti dengan negeri Johor sebanyak 4710 dan Selangor dengan 4306 bilangan penyata tahunan untuk tahun 2017. Jumlah keseluruhan yang diterima bagi kesemua negeri adalah sebanyak 37716 penyata tahunan.

e) Jumlah Pembahagian Geran Penduduk Mengikut Negeri

Dalam pada itu, JPPM Negeri Selangor turut mencatat jumlah pembahagian geran penduduk tertinggi di mana sebanyak RM 5,609,259.00 juta telah diagihkan kepada persatuan berdaftar, diikuti dengan JPPM Negeri Melaka sebanyak RM 1,621,920.00 juta dan JPPM W.P. Kuala Lumpur sebanyak RM 1,445,387.00 juta. Pembahagian geran ini bertujuan untuk memastikan kawasan kejiranan penduduk di dalam keadaan selamat dan tenteram melalui pembelian peralatan keselamatan atau melaksanakan program-program yang berunsurkan kesedaran.

### 3.4 Sub-Committee On Non-Profit Organisation Sector (SCONPO)

#### 3.4.1 Pengenalan mengenai SCONPO

SCONPO merupakan salah satu daripada sembilan jawatankuasa yang dibentuk di bawah National Co-Ordination Committee to Counter Money Laundering (NCC) yang dikoordinasikan oleh pihak Bank Negara Malaysia (BNM). Mempunyai Terms of Reference (TOR) yang berfungsi sebagai panduan dan komitmen ahli-ahli SCONPO dalam usaha menangani ancaman penyalahgunaan NPO sebagai alat pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Terdiri daripada empat Jabatan atau Agensi yang menjalankan fungsi mengawal selia pertubuhan atau Non-Profit Organization (NPO) yang utama di Malaysia iaitu :

a) Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), Kementerian Dalam Negeri (KDN);

b) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK);

c) Labuan Financial Services Authority (LFSA), Kementerian Kewangan Malaysia (MoF); dan

d) Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

#### 3.4.2 SCONPO di bawah teraju JPPM

SCONPO diterajui oleh JPPM pada sesi 2016/2017 yang sebelum ini diterajui oleh SSM pada peringkat awal. Malaysia telah menjalani NPO Sector Domestic Review 2017 dan National Risk Assessment on NPO 2017, dengan kebanyakkan data yang dikaji adalah berkaitan pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966.

Data yang digunakan adalah sehingga tahun 2015 seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 :

| PERKARA | JPPM | SSM | BHEUU | LFSA |
|---|---|---|---|---|
| Bilangan pertubuhan berdaftar | 60,286 | 2,040 | 367 | 31 |

Jadual 2 : Data mengenai bilangan pertubuhan berdaftar

Kajian ke atas data bagi tahun 2014 sehingga 2016 mendapati sejumlah wang berikut telah diterima masuk dan dibayar keluar dari Malaysia :

| DITERIMA MASUK | DIHANTAR KELUAR |
|---|---|
| RM 131.87 juta | USD 49.30 juta |

Oleh itu, SCONPO dengan penyeliaan oleh pihak BNM, dari masa ke semasa telah mengadakan kerjasama dengan pihak Cawangan Khas secara rasmi dan kolektif sebagai satu pihak yang bersama-sama memerangi ancaman AML/CTF di kalangan NPO. Kerjasama dan perkongsian maklumat berkaitan AML/CTF di kalangan pengawal selia NPO dan pihak Cawangan Khas juga merupakan satu langkah ke hadapan dalam membanteras isu tersebut


LAPORAN
TAHUNAN
40


JUMLAH PEMBAHAGIAN GERAN PENDUDUK MENGIKUT NEGERI (RM)
6,000,000.00
5,000,000.00
4,000,000.00
3,000,000.00
2,000,000.00
1,000,000.00
0.00
1,170,000.00
582,000.00
357,000.00
1,445,387.00
1,621,920.00
1,440,000.00
732,000.00
746,000.00
110,000.00
718,389.00
326,389.60
354,910.00
5,609,259.00
176,000.00
2,524,000.00
Johor
Kedah
Kelantan
W.P. Kuala Lumpur
Melaka
Negeri Sembilan
Pahang
Perak
Perlis
Pulau Pinang
Sabah
Sarawak
Selangor
Terengganu
KPKT (JMB/MC)


Penyata Tahunan Bagi Pertubuhan Induk 2017
8000
7000
6000
5000
4000
3000
2000
1000
0
4710
2219
1005
1634
1789
1672
3280
4082
350
7325
859
1699
2564
4306
91
131
Johor
Kedah
Kelantan
Labuan
Melaka
N.Sembilan
P.Pinang
Pahang
Perak
Perlis
Putrajaya
Sabah
Sarawak
Selangor
Terengganu
WPKL
Penyata Tahunan Bagi Pertubuhan Induk 2017

### 4. PENGUATKUASAAN KE ATAS PERTUBUHAN

Sepanjang tempoh dari Januari hingga Disember 2017 pemantauan ke atas pertubuhan dilaksanakan secara berterusan. Pelaksanaan tertinggi bagi keseluruhan JPPM negeri ialah pada bulan Jun iaitu sebanyak 282 pertubuhan, diikuti pada bulan Februari sebanyak 250 pertubuhan, bulan November sebanyak 215 pertubuhan, Mei sebanyak 210 pertubuhan dan Disember sebanyak 200 pertubuhan. Jadual 1 di bawah menunjukkan jumlah pemantauan bagi sepanjang tahun 2017 mengikut bulan.

JADUAL 1
STATISTIK PEMANTAUAN PERTUBUHAN 2017






JPPM Negeri Sabah merupakan negeri tertinggi dalam melaksanakan pemantauan ke atas pertubuhan dalam kategori Kebajikan diikuti dengan kategori sosial, rekreasi, dan perdagangan. Negeri kedua tertinggi yang menjalankan pemantauan ke atas pertubuhan ialah JPPM WPKL juga dalam kategori yang sama dengan negeri Sabah tetapi rendah dalam kategori keagamaan. Manakala JPPM negeri Johor mengikuti ditempat ketiga tertinggi menjalankan pemantauan ke atas pertubuhan dan kedua tertinggi bagi kategori keagamaan. Negeri yang menduduki tempat tertinggi bagi pemantauan kategori keagamaan ialah negeri Selangor manakala JPPM Negeri Kedah merupakan negeri yang kelima tertinggi dalam melaksanakan pemantauan ke atas pertubuhan dalam kategori sosial, rekreasi dan perdagangan seperti di Jadual 2.

JADUAL 2 :
5 NEGERI TERTINGGI DAN MENGIKUT KATEGORI




| | KEBAJIKAN | SOSIAL | REKREASI | KEAGAMAAN | PERDAGANGAN |
|---|---|---|---|---|---|
| SABAH | 572 | 550 | 231 | 20 | 100 |
| KUALA LUMPUR | 290 | 192 | 210 | 63 | 97 |
| SELANGOR | 85 | 115 | 50 | 200 | 70 |
| JOHOR | 151 | 127 | 90 | 91 | 50 |
| KEDAH | 93 | 67 | 25 | 40 | 39 |

JPPM telah mengambil tindakan ke atas pertubuhan berdasarkan aspek ketidakpatuhan seperti gagal mengemukakan Penyata Tahunan, aduan daripada ahli, pemeriksaan berkala JPPM dan juga berdasarkan risikan yang dibuat. Tindakan yang paling tinggi diambil ialah berdasarkan faktor gagal mengemukakan Penyata Tahunan, diikuti oleh faktor aduan daripada ahli dan seterusnya pemeriksaan berkala serta faktor risikan seperti Jadual 3 di bawah.

**JADUAL 3 : FAKTOR-FAKTOR TINDAKAN**




Pemeriksaan ke atas pertubuhan dilaksanakan meliputi pemeriksaan bernotis dibawah Seksyem 63 Akta Pertubuhan 1966, pemeriksaan tanpa notis dibawah Seksyen 64 Akta Pertubuhan 1966. Namun kaedah paling banyak yang dilaksanakan ialah melalui pemeriksaan bernotis diikuti dengan Pemeriksaan tanpa notis seterusnya siasatan aduan dan juga siasatan pendakwaan seperti di Jadual 4 di bawah.

**JADUAL 4 : PENGUATKUASAAN AKTA PERTUBUHAN 1966**







Secara keseluruhannya, pelaksanaan pemeriksaan di peringkat negeri menunjukkan pemeriksaan bernotis mencatatkan jumlah yang terbanyak iaitu 45%. Pemeriksaan tanpa notis pula sebanyak 25%. Sebanyak 15 % pelaksanaan dibuat secara outreach dan melalui siasatan seperti Jadual 5 di bawah.

**JADUAL 5 : PELAKSANAAN DI PERINGKAT NEGERI**





# NUKILAN KEJAYAAN




*nukilan kejayaan*

## KARNIVAL PERTUBUHAN KEBANGSAAN 2017

Pada 13 Oktober 2017 (Jumaat) telah berlangsungnya Karnival Pertubuhan Peringkat Kebangsaan 2017. Karnival telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Dalam Negeri. Karnival Pertubuhan tersebut telah diadakan di Dataran Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu. Tujuan Karnival ini diadakan adalah untuk memperkenalkan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia kepada semua pihak di seluruh Negara serta merapatkan hubungan silaturahim dengan persatuan atau kelab yang berdaftar dibawah ROS serta orang awam. Terdapat pelbagai aktiviti yang telah diadakan sepanjang karnival tersebut termasuk pameran dari pelbagai agensi dan kelab-kelab/persatuan.

**TARIKH** : 13 Oktober 2017

**TEMPAT** : Dataran Pantai Batu Buruk Kuala Terengganu

**MASA** : 7.00 Pagi Hingga 11.00 Malam

**PERASMIAN** : YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Dalam Negeri

**OBJEKTIF:**

- Mempromosi jabatan kepada masyarakat
- Memberi pendedahan kepada masyarakat tentang pertubuhan dan kepentingannya
- Merapatkan jaringan kerjasama dan perhubungan di antara jabatan dengan pelanggan terutamanya pertubuhan berdaftar
- Menyediakan rangkaian dan jaringan kerjasama di antara pertubuhan-pertubuhan
- Menyediakan platform kepada pertubuhan untuk mempromosikan pertubuhan masing-masing

**SESI LAWATAN KE TAPAK KARNIVAL PERTUBUHAN KEBANGSAAN 2017**

Sesi lawatan ke Terengganu ini diadakan bertujuan untuk menetapkan lokasi penganjuran Karnival Pertubuhan yang akan berlangsung pada bulan Oktober 2017. Cadangan lokasi yang dilawati adalah Dataran Kemaman dan Pantai Batu Buruk di Terengganu. Ini merupakan hasrat Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia bagi tahun ini untuk mendekati masyarakat di Pantai Timur.


AWAS

## MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL PERTUBUHAN KEBANGSAAN TAHUN 2017

### Ketibaan YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Bin Hamidi Ke Karnival Pertubuhan Kebangsaan 2017




### YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Bin Hamidi Merasmikan Karnival Pertubuhan Kebangsaan Tahun 2017










**Kunjungan YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Bin Hamidi Ke *Booth-Booth* Pameran Karnival**



**AKTIVITI SEPANJANG KARNIVAL PERTUBUHAN KEBANGSAAN TAHUN 2017**






**PERSEMBAHAN ARTIS-ARTIS JEMPUTAN BAGI MEMERIAHKAN KARNIVAL PERTUBUHAN KEBANGSAAN TAHUN 2017**



**HASIL (OUTCOME)**

- Masyarakat lebih mengenali JPPM dan peranannya.
- Gaya hidup sihat melalui aktiviti pertubuhan dapat dipupuk
- Menyediakan platform kepada pertubuhan untuk berinteraksi dan membina jaringan.
- Peningkatan sinergi di antara kerajaan, pertubuhan dan masyarakat.



# PENCAPAIAN NEGERI




**PENCAPAIAN**
**AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2107**

## PROGRAM IBU PEJABAT JPPM
## HARI SUKAN JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA 2017: ERAT HUBUNGAN JALIN KERJASAMA

Karnival Sukan ini diadakan pada 6-9 April 2017 di INSPEN, Kajang. Karnival ini merupakan satu inisiatif yang diambil oleh Jabatan dalam memberi peluang kepada semua kakitangan dalam memfokuskan kepada objektif-objektif yang telah ditetapkan.

**Objektif :**

- Memberi kesedaran kepada peserta bahawa setiap warga adalah penting dalam sesebuah organisasi
- Memahami perbezaan personaliti ahli dalam pasukan
- Membangunkan Pelan Tindakan Diri untuk memastikan Satu Pasukan Kerja yang berkesan dapat diwujudkan
- Mengukuhkan semangat jati diri dan sifat kekitaan dalam kalangan warga JPPM
- Menambahbaik jaringan perhubungan di antara warga JPPM tanpa mengira Bahagian/Cawangan.

**HASIL (OUTCOME)**

Hasil dari penganjuran Karnival Sukan ini, Jabatan dapati kesemua objektif yang telah difokuskan dapat dicapai dalam usaha untuk melahirkan kakitangan yang akan memberi perkhidmatan terbaik dan efektif kepada masyarakat bagi membangunkan masyarakat sivik sejajar dengan objektif Jabatan.










2017
INSTITUT PENILAIAN NEGARA

TENGAH







**AMANAT TAHUN BARU 2017**
**OLEH KETUA PENGARAH JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN**

Perutusan Amanat Ketua Pengarah diadakan pada 20 Januari 2017 (Jumaat). Amanat Ketua Pengarah tersebuat telah disampaikan oleh Dato' Mohammad Razin Bin Abdullah. Tempat berlangsungnya amanat tersebut diadakan di perkarangan Bangunan Chancery Place, Putrajaya.


















**KONVENSYEN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)**
**3 NOVEMBER – 5 NOVEMBER 2017**

Tarikh : 3 hingga 5 November 2017 (Jumaat Hingga Ahad)
Tempat : Institut Semarak Felda, Bangi, Selangor

**Objektif Konvensyen**

1. Menerapkan konsep knowledge-based dan creativity-driven bagi membolehkan organisasi menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada produk atau perkhidmatan.
2. Memberi tumpuan kepada idea, pembelajaran, perkongsian ilmu dan penciptaan nilai menerusi strategi pengenalpastian dan penyelesaian masalah, teknik-teknik penganalisisan serta penghasilan idea-idea baru yang kreatif dan inovatif.
3. Produk setiap kumpulan yang menjurus kepada penghasilan output berkualiti yang dapat dinikmati dengan ketara dan secara meluas kepada *stakeholder*.

**Hasil (Outcome) Konvensyen**
Penghasilan projek yang memberikan faedah kepada Jabatan dari aspek pengurangan kos operasi, penjimatan masa/sumber dan peningkatan output/hasil kerja. Di samping itu juga dapat meningkatkan tahap kepuasan pekerja/hati pelanggan dan imej Jabatan.







## ANUGERAH INOVASI JPPM
## 10 HINGGA 11 NOVEMBER 2017

Anugerah Inovasi JPPM telah diadakan pada:
Tarikh : 10 hingga 11 November 2017 (Jumaat & Sabtu)
Tempat : Institut Semarak Felda, Bangi, Selangor

**Objektif**

1. Menggalakkan persaingan sihat antara kumpulan ke arah memperkenalkan lebih banyak idea inovasi di Jabatan.
2. Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara bekerja.
3. Memperkenalkan dan menyebarkan hasil-hasil inovasi yang boleh dicontohi untuk faedah bersama.
4. Memberi pengiktirafan kepada hasil inovasi yang diperkenalkan dalam Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.
5. Memastikan persekitaran pejabat berada di dalam keadaan yang bersih, selesa dan kondusif serta mesra pelanggan.
6. Memastikan semua prosedur pengurusan kewangan dipatuhi selaras dengan Akta Pengurusan Kewangan dan Arahan Pegawai Pengawal.

**Hasil (Outcome)**

- Penghasilan hasil inovasi yang dapat memberikan faedah yang jelas di samping meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi.
- Persekitaran kerja yang ceria, kondusif dan ekosistem berkualiti.
- Tatacara pengurusan kewangan dipatuhi.




















## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KEMENTERIAN DALAM NEGERI 2017

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) KDN 2017 telah diadakan pada 8 Mac 2018 bertempat di Auditorium, Kompleks D, Putrajaya. Majlis ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi. Timbalan Perdana Menteri. Seramai 25 orang telah menerima sijil tersebut. Terdapat juga beberapa tetamu VVIP telah hadir ke majlis tersebut.
















# PROGRAM JPPM NEGERI-NEGERI

**PERAK**
**PROGRAM "MALAM SILATURRAHIM" BERSAMA PVTM DAN NGO PERAK TENGAH**
**PTS NGO**
**(2016-2020)**

Tarikh : 10 Mac 2017 (Jumaat)
Masa : 8.00 Malam hingga 10.30 Malam
Tempat : Dewan Serbaguna, JKKK KG. Teluk Kepayang, Bota, Perak

**OBJEKTIF**

1. Pembangunan Kapasiti NGO Belia dan Wanita
2. Keselamatan dan Kesihatan Rakyat
3. Pembangunan Keusahawanan dan Peningkatan Ekonomi Masyarakat
4. Isu Sosial, Kebajikan dan Masyarakat Penyayang
5. Hak Asasi, Keagamaan, Integriti dan keadilan
6. Kebersihan dan Kelestarian Alam Sekitar
7. Sistem Penyampaian Maklumat dan Media Sosial
8. Pendidikan Pengguna
9. Pendidikan dan Integrasi Nasional











**MELAKA**
**HARI BERTEMU PELANGGAN**
**(SEMPENA HARI TERBUKA KDN)**

Tarikh : 26 MAC 2017 (AHAD)
Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang
Tempat : Perkarangan Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Ayer Keroh, Melaka.

**OBJEKTIF**

1. Memberi peluang kepada pertubuhan dan pengunjung bertukar pandangan tentang pertubuhan dan maklumat mengenainya
2. Memberi pendedahan tentang tatacara pendaftaran dan pengurusan pertubuhan
3. Memudahkan pertubuhan berdaftar daripada Jabatan di bawah Kementerian terus mendapatkan maklumat tentang pertubuhan mereka















**PERLIS**
**TAKLIMAT PENGURUSAN PERTUBUHAN BERKUALITI KEPADA AHLI JAWATANKUASA PEMULIHAN DALAM KOMINITI.**

Tarikh : 08 Mac 2017 (Rabu)
Tempat : Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Indera Kasih Kompleks Penyayang Dr Siti Hasmah, Jejawi, Arau Perlis

**TUJUAN**

1. Memberi penerangan kepada pemegang jawatan mengenai tatacara pengurusan pertubuhan yang betul berpandukan undang-undang tubuh persatuan serta Akta Pertubuhan 1966;
2. Memberi penerangan tentang kebaikan dan kelebihan menubuhkan persatuan.
3 Salah satu program "Outreach" JPPM Perlis yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis untuk turun ke padang dan bertemu dengan wakil – wakil ahli jawatankuasa di dalam setiap Pusat Pemulihan Dalam Komuniti di seluruh Negeri Perlis.










**KELANTAN**
**PROMOSI BERPERSATUAN**

TARIKH : 10 Januari 2017
TEMPAT : Majlis Daerah Bachok, Kelantan

Promosi Berpersatuan ini adalah satu amalan dan budaya JPPM bagi mendekati masyarakat di luar sana. Program yang dianjurkan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Negeri Kelantan. Program ini memberi kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat tentang kesalahan menganggotai mana-mana pertubuhan yang tidak berdaftar. Pegawai dan kakitangan JPPM Kelantan telah mengedarkan pamplet berkenaan tatacara penubuhan persatuan kepada masyarakat setempat.



## JOHOR
## PROGRAM OUTREACH

Tarikh : 02 April 2017 (Ahad)
Masa : 9.00 pagi hingga 1.00 Tengahari
Tempat : Auditorium, Aras 6, Kompleks KDN, Taman Setia Tropika, 81200 Johor Bahru, Johor.

**TUJUAN**
Pemilihan untuk menjemput pertubuhan ke program ini adalah bagi pertubuhan baru yang berjaya didaftar mulai bulan Januari 2017 hingga Mac 2017. Sebanyak 118 pertubuhan dijemput bagi program ini.

**OBJEKTIF**
1. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab serta kuasa yang diamanahkan dengan telus untuk faedah pertubuhan.
2. Memberi pendedahan kepada pertubuhan tentang penggunaan Sistem eRoses.
3. Memantapkan usaha ke arah pembentukan pemimpin pertubuhan yang berkualiti, komited, bertanggungjawab, berwawasan dan amanah;
4. Sebagai platform untuk memantapkan lagi hubungan di antara JPPM dengan pertubuhan melalui aktiviti turun padang.
5. Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia IPK Johor telah berjaya memberi pendedahan lebih jelas berkaitan pengenalan tentang Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan serta implikasi terlibat dengan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan.



**NEGERI SEMBILAN**
**PROGRAM OUTREACH JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA**
**NEGERI SEMBILAN (JPPMNS)**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 3 Oktober 2017 |
| Masa | : | 2.00 petang hingga 5.00 petang |
| Tempat | : | Dewan Perdana KRS Seremban, Negeri Sembilan |

## OBJEKTIF PROGRAM

1. Penyampaian mockup cheque kepada persatuan penduduk yang telah diluluskan Geran Persatuan Penduduk 2017
2. Memastikan geran tersebut digunakan mengikut kelulusan perbelanjaan yang dibenarkan sahaja.
3. Taklimat keselamatan komuniti memberi gambaran yang jelas tentang fungsi persatuan penduduk dalam aspek keselamatan.



**KEDAH**

**MAJLIS RAMAH MESRA YAB MENTERI BESAR KEDAH BERSAMA PERTUBUHAN BERDAFTAR DI DAERAH KOTA SETAR SERTA MAJLIS PENYERAHAN GERAN PERSATUAN PENDUDUK PERINGKAT NEGERI KEDAH TAHUN 2017**

Tarikh : 22 November 2017
Masa : 08.30 pagi hingga 12.30 Tengahari
Tempat : Dewan Serbaguna Bangunan Kementerian Dalam Negeri,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Bandar Muadzam Shah, 06550 Alor Setar, Kedah

**OBJEKTIF**

1. Meningkatkan jalinan kerjasama diantara pertubuhan dengan agensi kerajaan.
2. Meningkat kesedaran kesan dalam pengamalan penggubahan wang haram kepada individu, masyarakat dan Negara.
3. Penyerahan mock cheque geran persatuan penduduk yang dipilih setelah memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan dalam menjaga dan melindungi keselamatan kawasan perumahan dan penduduk setempat.



## SABAH
## PROGRAM PEMANTAPAN ILMU JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA NEGERI SABAH

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 18 Januari 2017 |
| MASA | : | 09.00 Pagi |
| TEMPAT | : | Bilik Mesyuarat JPPM Negeri Sabah |

Taklimat ini bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan pendedahan berkaitan struktur Organisasi, Fungsi, Objektif serta Bidang kuasa yang diperuntukkan di Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan mengenai urusan “Kutipan Wang Awam” khasnya. Pengisian dalam taklimat ini mengandungi kaedah kutipan, prosedur permohonan, prosedur proses permohonan dan syarat-syarat kutipan.








## SARAWAK
## TAKLIMAT PENGURUSAN PERTUBUHAN DAN eROSES
## DI BAHAGIAN SIBU, SARAWAK

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 30 Mac 2017 (Khamis) |
| MASA | : | 8.00 pagi - 5.00 petang |
| TEMPAT | : | Dewan UCA, Wisma UCA, Jalan Alan, 96000 Sibu, Sarawak |

Taklimat ini merupakan satu program/aktiviti berterusan yang ditetapkan di dalam Sasaran Kerja Tahunan dan Perancangan Strategik Jabatan iaitu mengadakan program Turun Padang (‘Outreach’) kepada pertubuhan-pertubuhan berdaftar di seluruh Negeri Sarawak bagi mendekati serta mengeratkan lagi “networking” di antara Jabatan dengan Pertubuhan di samping sebagai latihan/ulangkaji kepada pemegeng-pemegang jawatan mengenai tatacara mentadbir pertubuhan yang efisyen. Selain itu, program ini juga merupakan salah satu KPI yang telah ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

### OBJEKTIF PROGRAM

1. Mempertingkatkan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran mengenai tatacara pengurusan pertubuhan mengikut Perlembagaan Pertubuhan dan kehendak Akta Pertubuhan 1966 serta Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984.
2. Mempertingkatkan pengetahuan peserta mengenai tatacara penyediaan Penyata Tahunan, Pindaan Perlembagaan dan Permohonan Perakuan Pengesahan di bawah Seksyen 9(b) & 9(c), Akta Pertubuhan 1966.
3. Memberi pendedahan kepada Pertubuhan Migrasi tentang tatacara penggunaan eROSES dalam melaksanakan urusan dengan Jabatan secara atas talian (on-line).
4. Mengeratkan hubungan di antara Jabatan dengan Pertubuhan melalui aktiviti Turun Padang (‘Outreach’)



**WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**
**MAJLIS PENYAMPAIAN GERAN PERSATUAN PENDUDUK**
**OLEH Y.B DATUK SERI JOHARI ABDUL GHANI, MENTERI KEWANGAN II**
**MERANGKAP AHLI PARLIMEN TITIWANGSA**

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 4 November 2017 |
| MASA | : | 9.00 Pagi |
| TEMPAT | : | Dewan Komuniti , Taman Maluri Cheras |

Sebanyak 147 Persatuan Penduduk telah diluluskan Geran pada tahun 2017 dan majlis dihadiri oleh 108 Persatuan Penduduk di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya.









## TERENGGANU
## PROGRAM HARI JPPM NEGERI TERENGGANU BERSAMA PELANGGAN

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 25&26 Ogos 2017 (Jumaat) |
| MASA | : | 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari |
| TEMPAT | : | Padang Astaka, Dungun |

**TUJUAN**

Hari bertemu pelanggan JPPM Negeri Terengganu merupakan salah satu inisiatif untuk memenuhi kehendak Jabatan (Outreach) dan satu pendekatan untuk memudahkan perkhidmatan melalui interaksi dan perhubungan yang mesra, telus dan cekap selaras Akta Pertubuhan 1966.

**OBJEKTIF**

1. Memberi pendedahan dan khidmat nasihat mengenai pengurusan Pertubuhan dan pendedahan kepada pertubuhan tentang penggunaan Sistem eRoses.
2. Memantapkan usaha ke arah pembentukan pemimpin persatuan yang berkualiti, komited, bertanggungjawab dan amanah.
3. Mematuhi kehendak Akta Pertubuhan 1966 dan peraturan-peraturan yang berkaitan Pengurusan Pertubuhan Berkualiti
4. Sebagai platform untuk memantapkan lagi hubungan di antara JPPM dengan persatuan melalui aktiviti turun padang.






## SELANGOR
## PROGRAM OUTREACH JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN NEGERI SELANGOR

Tarikh : 21 Ogos 2017 (Isnin)
Masa : 08.30 malam hingga 11.00 malam
Tempat : Dewan Restoran Sahar Banting, Selangor

### TUJUAN
Adalah sebuah program yang dirangka khusus bagi persatuan penduduk yang telah berdaftar atau yang baru berdaftar di Negeri Selangor. Program ini merupakan salah satu inisiatif untuk memberi hebahan berkenaan Geran Persatuan Penduduk 2017. Program ini juga diadakan bertujuan untuk memberi lebih penerangan dan penjelasan secara terperinci kepada ahli-ahli persatuan dalam mengisi borang permohonan geran persatuan penduduk 2017. Pemegang jawatan pertubuhan telah dijemput hadir sebagai wakil persatuan dalam program yang diadakan.

### OBJEKTIF
1. Memberi faedah dan manfaat kepada kawasan kejiranan masing-masing dari aspek keselamatan serta dapat membiayai penganjuran program pencegahan jenayah, pencegahan dadah, aktiviti pembersihan dan penyelenggaraan serta aktiviti kejiranan.
2. Memaklumkan kepada persatuan mengenai maklumat tambahan Borang Pengesahan Penyelaras Pemimpin Tempatan Persekutuan bagi permohonan geran persatuan penduduk Negeri Selangor.
3. Memastikan persatuan dapat memahami dengan jelas mengenai fungsi geran persatuan penduduk diwujudkan.
4. Memastikan geran persatuan penduduk dapat disalurkan secara terus kepada golongan sasaran.
5. Dapat membantu persatuan penduduk bergerak dari segi kewangan untuk menjalankan aktiviti dikawasan komuniti.
6. Mewujudkan masyarakat bandar yang lebih harmoni dan bersatu hati dari aspek keselamatan.
7. Persatuan dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab serta kuasa yang diamaahkan dengan telus untuk faedah pertubuhan.



## PAHANG
## MAJLIS RAMAH MESRA YAB MENTERI BESAR PAHANG BERSAMA-SAMA PERTUBUHAN BERDAFTAR DAN PENYERAHAN GERAN PERSATUAN PENDUDUK (RA) JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA, NEGERI PAHANG

Tarikh : 04 Oktober 2017 (Rabu)
Masa : 08.00 pagi hingga 5.00 petang
Tempat : Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur, Kuantan Pahang

JPPM Negeri Pahang dalam menjayakan program ini telah berkolaborasi dengan Polis Diraja Malaysia (PRDM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba), Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Biro Tatanegara Negeri Pahang (BTN) serta Majlis Keselamatan Negara (MKN). Selain dari itu JPPM Negeri Pahang juga turut melibatkan agensi-agensi Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang berada di Kompleks KDN Pahang iaitu Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran, Bahagian Kawalan Filem (KF), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan juga Jabatan Imigresen Malaysia Pahang.
Dalam program tersebut JPPM Negeri Pahang telah mengagihkan kepada sebanyak 43 buah pertubuhan yang menerima geran persatuan penduduk dengan jumlah nilaian RM 430,000.00. Geran yang diberikan oleh kerajaan ini boleh digunakan untuk pembelian peralatan keselamatan dan juga bagi membiayai penganjuran program-program pencegahan jenayah, pencegahan dadah, aktiviti pembersihan dan penyelenggaraan serta aktiviti kejiranan bergantung kepada Kertas Kerja yang dikemukakan untuk kelulusan jabatan dengan nilaian maksima RM 10,000.00 untuk sebuah persatuan.

**OBJEKTIF :**

1. Membentuk medium Jalinan Kerjasama dan Usahasama antara Kerajaan Negeri, Pemimpin Tempatan, Agensi Kerajaan dan Pertubuhan Berdaftar.
2. Memberi penjelasan tentang Matlamat Pelaksanaan Geran Persatuan Penduduk (RA) dan peranan Agensi-Agensi Keselamatan.
3. Memberi Penekanan kepada Pemerkasaan Tadbir Urus Pertubuhan Selaras dengan Akta Pertubuhan 1966.
4. Memberi Pendedahan berkenaan Agenda dan Fokus-fokus Keselamatan dalam Membentuk Kelestarian Komuniti/Penduduk.






**PULAU PINANG**
**MAJLIS JALINAN MESRA JPPM NEGERI PULAU PINANG BERSAMA PERTUBUHAN SEMPENA SAMBUTAN AIDILFITRI 1438H**

Tarikh : 6 Julai 2017
Masa : 9.00 pagi hingga 12.30 Tengahari
Tempat : Dewan Seminar Dinamik, JPPM Pulau Pinang, Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara

**TUJUAN**
Program ini dirangka khusus untuk mengeratkan hubungan antara JPPM Pulau Pinang dan semua pertubuhan yang berdaftar di Pulau Pinang.

**OBJEKTIF**
- Mengeratkan hubungan silaturahim di antara JPPM dan persatuan.
- Mengeratkan hubungan dengan persatuan .
- Persatuan dapat meluangkan masa antara satu sama lain.
- Dapat merapatkan hubungan Antara pertubuhan dan pekerja JPPM Negeri Pulau Pinang.







# ARKIB BERITA

***AKHBAR : SINAR HARIAN***
***TARIKH : 22 NOVEMBER, RABU***
***MUKA SURAT : 40***



# Tun M gagal urus Bersatu

INFO
• Sumbangan boleh disampaikan kepada Zaki menerusi akaun BSN bernombor 0301611000104871.

***AKHBAR : SINAR HARIAN***
***TARIKH : 22 NOVEMBER, RABU***
***MUKA SURAT : 15***



# Ragui ketelusan pemilihan CEC DAP

Bekas, ahli parti itu buat laporan kepada Ros

***AKHBAR : SINAR HARIAN***
***TARIKH : 17 NOVEMBER, JUMAAT***
***MUKA SURAT : 6***



# Bersatu kempunan PRU

Jika parti itu masih gagal mengadakan AGM dalam tempoh ditetapkan




**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**TARIKH : 15 NOVEMBER 2017, RABU**
**MUKA SURAT : 6**

## 'Ada pihak tidak senang'

SHAH ALAM - Bersatu mendakwa ada pihak sengaja mempolitikkan isu Armada dalam usaha mengekang parti itu daripada menjadi lebih kuat.

Ketua Penerangannya, Datuk Kamarudin Md Nor berkata, perkara yang dibangkitkan itu tidak sepatutnya menjadi isu, kerana Armada adalah sayap kepada parti induk Bersatu yang telah diluluskan pendaftarannya oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).

"Ternyata, apabila Bersatu sudah nampak makin kuat, ada pihak tidak senang, sedangkan setiap parti yang berdaftar mempunyai sayap dan tidak pun berdaftar dengan ROS. Bersatu ini seolah-olah anak tiri. Layanan kepada parti lain tiada masalah," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Menurutnya, mengapa isu Armada begitu diketengahkan seolah-olah sayap itu sebuah pertubuhan dan perlu berdaftar, sedangkan Pemuda Umno, Wanita Umno dan Puteri Umno juga tidak berdaftar, tetapi tidak pula menjadi masalah.

## Bekas Exco Armada gesa ROS ambil tindakan

AMPANG - Bekas Exco Armada, Mohd Syazwan Ahmad Zainal menggesa Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat dalam penipuan berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada.

Mohd Syazwan berkata, pimpinan tertinggi Bersatu juga perlu bertanggungjawab, susulan pelanggaran Akta Pertubuhan 1966 berhubung penggunaan istilah Armada yang tiada dalam perlembagaan parti.

"Perlanggaran Akta Pertubuhan 1966 menyebabkan lantikan jawatankuasa pemuda pada tahun lalu dianggap tidak sah.

"Akta itu membolehkan pendaftaran sesebuah pertubuhan dibatalkan berikutan penggunaan Armada yang tiada dalam perlembagaan parti seperti disahkan Ketua Pengarah ROS, Surayati Ibrahim," katanya dipetik daripada sebuah portal berita.

Mohd Syazwan berkata, kesalahan itu dipercayai tidak pernah diduga oleh pemimpin parti, sedangkan mereka ada pengalaman politik yang dikatakan matang.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**TARIKH : 16 NOVEMBER 2017, KHAMIS**
**MUKA SURAT : 14**

## Armada Lanchang desak ROS haram Bersatu

INFO
- Mendakwa tertipu
- Hilang keyakinan

BENTONG - Ahli akar umbi Bersatu, terdiri daripada Armada mendesak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) mengharamkan parti itu yang didakwa menipu akar umbinya.

Wakil Armada Lanchang, Airul Amir Amirudin berkata, golongan muda berasa tertipu dan diperbodohkan tentang kewujudan sayap Bersatu yang tidak wujud dalam perlembagaan parti tersebut.

Selain itu katanya, ahli akar umbi Armada Lanchang yang hilang keyakinan kepada kepimpinan parti itu juga mendesak supaya Ketua Armada, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman meletak jawatan.



Airul Amir (tiga, kiri) dan Mohd Izaid (dua, kanan) serta sebahagian ahli Armada pada sidang media, semalam.

"Tun Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Bersatu dan Syed Saddiq harus bertanggungjawab atas penipuan besar ini kerana lebih setahun kami menyokong perjuangan ini atas dasar percaya tetapi kini kami sedar dipermainkan.

"Kami desak ROS batalkan pendaftaran Bersatu," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Airul Amir berkata, ahli akar umbi berasa diperdaya oleh kepimpinan parti berkenaan yang dilihat tidak menjalankan tanggungjawab untuk membela mereka.

Menurutnya, tindakan pengharaman Bersatu oleh ROS amat wajar bagi memberi pengajaran kepada kepimpinan parti berkenaan supaya bertanggungjawab.

Sementara itu, seorang lagi ahli Bersatu, Mohd Izaid Mohd Nor berkata, dia kecewa dengan tindakan Syed Saddiq dan Mahathir yang tidak menunjukkan sikap bertanggungjawab, serta gagal menyelesaikan pelbagai isu dalam parti tersebut.

"Mana Syed Saddiq sekarang? Dengar di Paris pergi sana sini. Armada tidak wujud tetapi kepimpinan bersenang-lenang.

"Sampai bila nak buat kami macam mainan? Mana perjuangan dan kejujuran yang dilaungkan?" soalnya.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**TARIKH : 9 OGOS 2017, RABU**
**MUKA SURAT : 20**

# SPR tidak pernah tolak pendaftaran simbol parti politik

**Putrajaya:** Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak pernah tolak permohonan mana-mana parti politik bagi pendaftaran simbol atau logo untuk digunakan dalam pilihan raya sekiranya sudah diluluskan Jabatan Pendaftar Pertubuhan (ROS).

Pengerusi SPR, Datuk Seri Mohd Hashim Abdullah, berkata SPR adalah sebuah badan bebas yang berkecuali dan dakwaan bahawa mustahil untuk SPR meluluskan penggunaan logo rasmi Pakatan Harapan dalam pilihan raya walaupun logo itu diluluskan ROS, adalah tidak berasas.

Katanya, dakwaan bahawa pendaftaran logo tidak mungkin diluluskan oleh SPR adalah kenyataan yang bersifat pramatang dan tidak bertanggungjawab.

**Dakwaan berniat serong**

"SPR berpandangan dakwaan itu juga tidak berasas dan berniat serong untuk menimbulkan persepsi negatif terhadap SPR serta mengelirukan rakyat, sedangkan buat masa ini tiada sebarang permohonan berkaitannya dibuat kepada SPR.

"SPR difahamkan bahawa status pendaftaran gabungan parti serta simbol parti berkenaan masih belum diluluskan oleh ROS.

"Justeru, selepas permohonan pendaftaran simbol parti berkenaan diluluskan oleh ROS dan sekiranya dirujuk kepada SPR, tindakan selanjutnya mengikut undang-undang akan dibuat oleh SPR," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kelmarin, seorang pemimpin kanan sebuah parti politik di Terengganu mendakwa bahawa mustahil untuk SPR meluluskan penggunaan logo rasmi Pakatan Harapan dalam pilihan raya walaupun logo atau simbol dan parti itu diluluskan ROS.

AKHBAR : KOSMO
TARIKH : 21 NOVEMBER 2017 (SELASA)
MUKA SURAT : 4

# Zahid nasihatkan Pakatan Harapan selesaikan masalah dalaman

KUALA LUMPUR – Permohonan Pakatan Harapan untuk didaftarkan masih belum dapat diluluskan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) berikutan beberapa perkara dalaman parti-parti terlibat belum diselesaikan.



AHMAD ZAHID

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata ini termasuk kegagalan DAP menyelesaikan laporan pemilihan semula jawatan dalam Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) parti itu pada 12 November lepas.

"ROS belum menerima laporan akhir dan senarai CEC terkini selepas pemilihan semula DAP itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (JKMD) Bil 1/2017 di Parlimen semalam.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, kegagalan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) mengadakan perhimpunan agung tahunan sejak pendaftaran parti itu diluluskan serta permohonan pindaan perlembagaan PPBM yang belum diluluskan turut menyebabkan permohonan Pakatan Harapan tidak dapat dilakukan.

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Alwi Ibrahim semalam bertemu Pakatan Harapan yang mahu mendapatkan penjelasan mengenai status permohonan pendaftaran pakatan itu.

Ahmad Zahid berkata, dalam pertemuan itu, Pengerusi Pakatan Harapan yang juga Presiden PPBM, Tun Dr. Mahathir Mohamad meminta ROS memaklumkan kepada pihak Pakatan Harapan jika terdapat ketidakaturan terhadap permohonan yang dikemukakannya supaya mereka boleh membuat pembetulan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 20 NOVEMBER 2017 (ISNIN)
MUKA SURAT : 4

# Harapan yakin Bersatu dapat tanding PRU14

KUANTAN - Pakatan Harapan yakin parti Bersatu yang berdepan kemelut isu pendaftaran dapat bertanding di PRU14 nanti tanpa sebarang masalah.

Presidennya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, namun Pakatan Harapan bersedia dengan sebarang kemungkinan sekiranya pendaftaran Bersatu dibatalkan Jabatan Pendaftar Pertubuhan (ROS) di saat-saat akhir menjelang PRU.

Menurutnya, pembatalan di saat-saat akhir bukan perkara baharu kepada gabungan pembangkang itu kerana situasi hampir sama pernah dilalui parti DAP menjelang PRU13 pada tahun 2013.

"Jika sekali lagi ROS buat tindakan mengejut seperti itu, kita tak ada masalah kerana sebelum ini mereka (ROS) pernah buat masalah dengan DAP dan kami berjaya tangani.

"Sebenarnya kepimpinan Pakatan Harapan adalah sangat baik namun kita tidak mendedahkan strategi kita. Kami sentiasa bermesyuarat dan bersama-sama dalam apa juga keadaan sekali pun," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita dalam satu sidang akhbar selepas menghadiri Hi-Tea Bersama Presiden Keadilan sempena Jelajah Keadilan Peduli Rakyat 2017, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Wan Azizah berkata, di PRU13 lalu, hasil persefahaman antara parti, PKR dan Pas telah membenarkan logo mereka digunakan DAP untuk membolehkan parti tersebut bertanding.

"Dengan itu, kita percaya sebarang masalah dapat ditangani bersama-sama.

"Selain itu juga, kita sebelumnya tidak akan masuk campur dengan konflik dalaman yang berlaku dalam mana-mana parti terutama Bersatu.

"Dan kita juga tidak akan mengarahkan kepimpinan mereka membuat sebarang keputusan sewenang-wenangnya namun saya yakin mereka bijak dalam membuat keputusan yang terbaik demi parti," katanya.



Wan Azizah (duduk, tengah) pada sidang media, semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 20 NOVEMBER 2017 (ISNIN)
MUKA SURAT : 49

# PRU14: Harapan bersedia kemungkinan Bersatu dibatalkan

4

PAKATAN Harapan (Harapan) bersedia dengan kemungkinan pendaftaran Parti Bersatu dibatal menjelang PRU14.

Presidennya Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, perkara itu bukan perkara baharu bagi pembangkang kerana situasi sama pernah dilalui DAP menjelang PRU13 pada 2013.

"Tidak ada masalah. Jika ROS (Jabatan Pendaftar Pertubuhan) buat tindakan mengejut, Pakatan Harapan akan bersama-sama dalam menanganinya. Sebelum ini pun, mereka (ROS) buat masalah dengan DAP.

"Kami sentiasa bermesyuarat dan bersama-sama dalam apa juga keadaan," katanya selepas menghadiri majlis bersama rakyat di sini.

Bersatu berhadapan kemungkinan pendaftaran batal ROS kerana tiga kesalahan melanggar perlembagaan parti iaitu tiada mesyuarat tahunan, tubuh sayap pemuda dikenali Armada dan tangguh mesyuarat agung tanpa peruntukan perlembagaan parti. - *Bernama*






AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 17 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)
MUKA SURAT : 6

## Guna nama Pemuda Bersatu

SHAH ALAM - Setiausaha Agung Bersatu, Datuk Dr Shahruddin Md Salleh memaklumkan sayap pemuda parti itu tidak boleh menggunakan nama Armada seperti yang terdapat dalam perlembagaan parti tersebut.

Katanya, ini kerana pindaan perlembagaan Bersatu masih dalam pertimbangan pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).

"Kami akur bahawa nama Pemuda yang termaktub di dalam perlembagaan parti hendaklah diguna pakai buat masa ini. Arahan telah dikeluarkan kepada pimpinan dan ahli parti di setiap peringkat supaya menggunakan nama Pemuda Bersatu sehingga pindaan perlembagaan parti diluluskan oleh pihak ROS," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mengenai Mesyuarat Agung Tahunan yang sepatutnya diadakan pada tahun ini, Bersatu telah mengemukakan permohonan kepada pihak ROS supaya membenarkan pelaksanaan masa ke tahun 2018.

"Memandangkan Bersatu masih dalam proses menubuhkan cawangan-cawangan parti di seluruh negara, penangguhan ini telah diputuskan dalam mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi pada 20 Julai 2017.

"Menurut perlembagaan Bersatu, perwakilan yang menghadiri perhimpunan di peringkat bahagian mestilah terdiri daripada wakil-wakil cawangan di dalam bahagian tersebut. Justeru, berdasarkan Perlembagaan Bersatu, persidangan bahagian tidak boleh diadakan sehinggalah penubuhan cawangan-cawangan disempurnakan dan diluluskan dengan ROS," katanya.

AKHBAR : THE SUN
TARIKH : 15 NOVEMBER 2017 (RABU)
MUKA SURAT : 2

## DAP 'intact' after CEC re-elections

PRESS DIGEST

BY *KONG SEE HOH*
newsdesk@thesundaily.com

DAP delegates retained almost all the party's central executive committee (CEC) seats in the just-concluded re-election, an indication that they are putting party unity above all else ahead of the 14th general election (GE14).

Political analysts said with party unity largely intact after two RoS-ordered CEC re-elections, what is crucial next for the party is how to win the people's support and work closely with other Pakatan Harapan component parties in the coming polls to extend the splendid results achieved by the Opposition in the last two general elections, *China Press* reported yesterday.

Political analyst and Han Chiang College vice-chairman Datuk Cheah See Kian told the daily that overall, DAP has retained its status quo, with Lim Guan Eng remaining at the helm as secretary-general.

"The little-changed lineup presents a picture of unity within the party for the sake of the coming general election, said Cheah.

"(But) what is more important is whether the party's GE14 strategies will touch base with voters, whose sentiments and thinking change frequently."

He said the voters today may not think in the same way they did in the last two elections.

AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : 09 OGOS 2017 (RABU)
MUKA SURAT : 20

## SPR tidak pernah tolak pendaftaran simbol parti politik

**Putrajaya:** Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak pernah tolak permohonan mana-mana parti politik bagi pendaftaran simbol atau logo untuk digunakan dalam pilihan raya sekiranya sudah diluluskan Jabatan Pendaftar Pertubuhan (ROS).

Pengerusi SPR, Datuk Seri Mohd Hashim Abdullah, berkata SPR adalah sebuah badan bebas yang berkecuali dan dakwaan bahawa mustahil untuk SPR meluluskan penggunaan logo rasmi Pakatan Harapan dalam pilihan raya walaupun logo itu diluluskan ROS adalah tidak benar.

Katanya, dakwaan bahawa pendaftaran logo tidak mungkin diluluskan oleh SPR adalah kenyataan yang bersifat prematang dan tidak bertanggungjawab.

**Dakwaan berniat serong**

"SPR berpandangan dakwaan itu juga tidak benar dan berniat serong untuk menimbulkan persepsi negatif terhadap SPR serta mengelirukan rakyat, sedangkan buat masa ini tiada sebarang permohonan berkaitannya dibuat kepada SPR.

"SPR difahamkan bahawa status pendaftaran gabungan parti serta simbol parti berkenaan masih belum diluluskan oleh ROS.

"Justeru, selepas permohonan pendaftaran simbol parti berkenaan diluluskan oleh ROS dan sekiranya dirujuk kepada SPR, tindakan selanjutnya mengikut undang-undang akan dibuat oleh SPR," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kelmarin, seorang pemimpin kanan sebuah parti politik di Terengganu mendakwa bahawa mustahil untuk SPR meluluskan penggunaan logo rasmi Pakatan Harapan dalam pilihan raya walaupun logo atau simbol dan parti itu diluluskan ROS.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
TARIKH : 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)
MUKA SURAT : 25

# Armada: Pemimpin tertinggi PPBM pekak telinga

**KUALA LUMPUR 13 Nov.** - Pemimpin tertinggi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dipercayai mempunyai agenda tersendiri serta melakukan penipuan terancang terhadap ahli pertubuhannya kerana memekakkan telinga berhubung kesalahan penggunaan Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada).

Bekas Ahli Jawatankuasa PPBM, Muhd. Syazwan Ahmad Zainal berkata, tindakan pemimpin tertinggi parti itu yang membiarkan penggunaan Armada bukan sahaja melanggar Akta Pertubuhan 1966, malah boleh mengakibatkan sesuatu pertubuhan itu dibatalkan.



MUHD. SYAZWAN

Justeru, ujarnya, Pengerusinya, Tun Dr. Mahathir Mohamad didesak untuk bertanggungjawab berhubung pelanggaran akta dan bukan terus memperdaya ahli PPBM demi memenuhi kelangsungan hayat politik sehingga menyebabkan perpecahan dalaman parti.

"Bagaimana kesalahan ini tidak pernah ditegur oleh mana-mana pemimpin parti sedangkan mereka mempunyai pengalaman politik yang matang?

"Jika kesalahan ini suatu yang besar sehingga membolehkan sesuatu pertubuhan itu dibatalkan, saya mendesak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) mengambil tindakan terhadap mereka terlibat dalam penipuan berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada," katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini.

Muhd. Syazwan berkata, sehingga hari ini, pihak ROS belum meluluskan sebarang pindaan perlembagaan dengan menggunakan istilah Armada yang merujuk kepada sayap Pemuda parti.

Ketika ditanya tentang pendirian Ketua Armada, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, katanya, pihaknya mengikuti semua prosedur dan terus berhubungan dengan ROS mengenai pindaan perlembagaan parti itu.

Katanya, PPBM juga tidak pernah mengadakan sebarang Persidangan Perhimpunan Agung Tahunan.

"Ahli bukan sahaja tidak pernah menerima sebarang panggilan berhubung persidangan tahunan, malah usul berkaitan pindaan perlembagaan bagi menggunakan istilah Armada juga belum dilakukan.

"Meminda perlembagaan parti haruslah mengikut Fasal 28, Pindaan Perlembagaan yang mana perkara 28.1 bermaksud perlembagaan ini boleh dipinda melalui ketetapan yang dipersetujui tidak kurang dua per tiga perwakilan yang hadir dalam Persidangan Perhimpunan Agung Tahunan atau Persidangan Perhimpunan Agung Khas dan hendaklah dikemukakan kepada ROS menurut Akta Pertubuhan 1966," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
TARIKH : 15 NOVEMBER 2017 (RABU)
MUKA SURAT : 14

# Batu Gajah PPBM committee leaves party

**BATU GAJAH:** Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Batu Gajah division is the latest group to join the list of members who have left the party, after clashing with the state leadership.

With the departure of its committee members, the division is the fifth to cease operation in Perak after Gopeng, Kuala Kangsar, Parit and Teluk Intan.

Batu Gajah divisional committee chief Mohd Shirin Adenan said the resignation of the division's 18 committee members would mean its closure with immediate effect.

He said leaders from six more divisions may follow suit.

Citing the lack of confidence in the party's state leadership, Shirin said the 24 divisional committee chiefs had been sidelined in decision-making.

"We were not consulted prior to the organisation of party programmes and the state chairman, Ahmad Faizal Azumu, did not touch base with the grassroots.

"The way he handles things is different from Datuk Hamidah Osman (former PPBM vice-president), who was one of the founders of PPBM in Perak.

"She would call us for meetings and kept us informed of the party affairs."

Shirin said party members demanded clarification on issues, including the use of the name Armada for PPBM's youth wing.

"The Registrar of Societies had recently pointed out that Armada was not included in the party constitution.

"This has caused confusion among members, who want an explanation as the offence could cause the party to be de-registered.

"Unfortunately, nothing was conveyed to us. We were left in the dark and we could not give a satisfactory explanation to members.

"I have met more than 1,000 members whom I had registered under the division and most of them told me that they might also leave the party," he said, adding that he would not join another political party.

Faizal said a state PPBM leadership meeting would be held next week to discuss the matter, as well as the party election machinery.

On the resignation of the Batu Gajah division committee members, he said: "I'm sad to hear of their decision.

"I spoke to Shirin last night (Monday) and he told me it was a crazy idea for him to leave PPBM."

In **Putrajaya**, PPBM gave its statement here to the Registrar of Societies, which is probing complaints about the party failing to comply with its own constitution.

PPBM secretary-general Datuk Dr Shahruddin Md Salleh, who represented the party at the RoS headquarters here yesterday, gave his statement in connection with the complaints lodged by members of several divisions in Johor.



*Batu Gajah divisional committee chief Mohd Shirin Adenan (centre) and his committee announcing their decision to leave PPBM yesterday.* PIC BY MUHAIZAN YAHYA




AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
TARIKH : 09 OGOS 2017 (RABU)
MUKA SURAT : 13

# SPR tidak tolak jika ROS lulus logo parti

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 8 OGOS

LOGO parti politik yang telah diluluskan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) untuk digunakan semasa pilihan raya tidak akan ditolak oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Pengerusi SPR, Datuk Seri Mohd. Hashim Abdullah berkata, dakwaan seorang pemimpin kanan sebuah parti politik di Terengganu bahawa mustahil SPR akan meluluskan logo rasmi Pakatan Harapan adalah tidak berasas.



MOHD. HASHIM

Walau bagaimanapun dalam masa sama beliau menjelaskan, setakat ini tiada sebarang permohonan berkaitan (logo) itu dikemukakan kepada SPR.

"SPR berpandangan dakwaan itu juga berniat serong untuk menimbulkan persepsi negatif terhadap SPR serta mengelirukan rakyat.

"Dakwaan bahawa pendaftaran logo tidak mungkin diluluskan oleh SPR adalah kenyataan yang bersifat pramatang dan tidak bertanggungjawab," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Mohd. Hashim berkata, SPR difahamkan status pendaftaran gabungan parti-parti dan simbol parti berkenaan masih belum diluluskan oleh ROS.

Menurut beliau, selepas permohonan untuk pendaftaran simbol parti berkenaan diluluskan oleh ROS dan sekiranya dirujuk kepada SPR tindakan selanjutnya mengikut undang-undang akan dibuat oleh SPR.

Mohd. Hashim merujuk kepada laporan sebuah akhbar dalam talian bertajuk 'Mustahil SPR lulus logo' yang memetik kenyataan seorang pemimpin kanan sebuah parti politik di Terengganu yang disiarkan semalam.

> Dakwaan seorang pemimpin kanan sebuah parti politik di Terengganu bahawa mustahil SPR akan meluluskan logo rasmi Pakatan Harapan adalah tidak berasas.
>
> MOHD. HASHIM ABDULLAH
> Pengerusi SPR

Menurutnya, dalam laporan tersebut pemim[...] berkata, adalah [...] SPR meluluska[...] logo rasmi P[...] dalam pilihan ra[...] itu diluluskan R[...]

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
TARIKH : 21 NOVEMBER 2017 (SELASA)
MUKA SURAT : 3

# Jangan salahkan ROS – Mahdzir

KUALA LUMPUR 20 Nov. - Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak wajar menyalahkan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) jika proses mendaftarkan Pakatan Harapan yang diketuai DAP tidak memenuhi kriteria seperti yang telah ditetapkan.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, peraturan yang ditetapkan sudah cukup jelas dan tiada sebab untuk menyalahkan ROS mahupun kerajaan dalam perkara itu.

"Apabila mereka mahu mendaftar juga sedangkan tidak mengikut kriteria yang ditetapkan, sudah tentu ia menimbulkan masalah.

"Pihak ROS sendiri tidak akan sengaja melakukan kesilapan sebaliknya mereka hanya mengikut prosedur, jadi tidak perlu salahkan ROS," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan majlis penutup Kejohanan Robotik Dunia peringkat kebangsaan di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Dr. Mahathir yang menyalahkan ROS sebagai punca kepada kegagalan Pakatan Harapan berdaftar untuk bertanding semasa Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) nanti.

Walau bagaimanapun, Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Seri Alwi Ibrahim memaklumkan, Pakatan Harapan tidak diberikan kelulusan kerana PPBM gagal mengadakan mesyuarat agung tahunan (AGM) manakala DAP belum mengemukakan laporan akhir pemilihan Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC).

Tambah Mahdzir, undang-undang dan peraturan perlu dipatuhi oleh sesiapa sahaja termasuk ahli-ahli politik.

"Ahli politik sekalipun, setiap undang-undang mesti dipatuhi, itu sahaja. Dr. Mahathir pernah jadi perdana menteri, dia patut tahu tapi biasalah kalau salah sikit, dia akan salahkan kerajaan," katanya.



**Waktu Solat**

| | Subuh | Syuruk | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
|---|---|---|---|---|---|---|
| KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya | 5.41 | 6.59 | 1.02 | 4.24 | 6.59 | 8.12 |
| PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya | 5.49 | 7.07 | 1.07 | 4.28 | 7.02 | 8.[illegible]5 |
| KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya | 5.35 | 6.53 | 12.56 | 4.18 | 6.54 | 8.07 |
| JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya | 5.30 | 6.50 | 12.53 | 4.16 | 6.53 | 8.06 |
| KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya | 5.05 | 6.21 | 12.28 | 3.5[illegible] | 6.28 | 7.41 |